

"KATAKANLAH (wahai Nabi Muhammad) : Sesungguhnya aku telah dikurniakan hidayat oleh Tuhanku ke jalan yang lurus, iaitu agama yang benar, agama Nabi Ibrahim dengan lurus (berdasarkan tauhid), dan dia bukanlah daripada orang-orang musyrik". - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-An'am, ayat 161.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.34 | SUBUH 4.44 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.40 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.40 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 59 | 16 MEI 2022 / 1443 شوال 15 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

ASEAN SHIELD PASTIKAN TINDAK BALAS BERSEPADU, PANTAS, BERKESAN



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Jumaat, 13 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Puan Yang Terutama Kamala D. Harris, hari ini dan seterusnya berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Puan Yang Terutama Kamala D. Harris, seterusnya berangkat menghadiri Sesi Plenary Pertama dan Sesi Plenary Kedua, Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS. Berangkat mengiringi baginda ke majlis tersebut, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 2 hingga 7).

Berkenan menghantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Mohamed Bin Zayed Al Nahyan, Presiden Emiriyah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi, Emiriyah Arab Bersatu, sempena dengan pelantikannya sebagai Presiden Emiriyah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi, Emiriyah Arab Bersatu yang baharu.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Mohamed Bin Zayed Al Nahyan.



Berita Utama



74.4 peratus kanak-kanak terima dos pertama vaksin

Muka 11



BERSAMA mengukuhkan sistem kesihatan secara inovatif

Muka 14



SENI decoupage jadi pilihan Suzana Sakinah

Muka 27

STATISTIK COVID-19

NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 15 MEI 2022, jam 4.00 petang

248 Jumlah kes hari ini

261 Jumlah kes yang sembuh hari ini

144,659 Jumlah kes jangkitan

0 Jumlah kes kematian 24 jam lalu

142,788 Jumlah kes yang sembuh

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mahbrunei | www.moh.gov.bn

ASEAN SHIELD pastikan tindak balas bersepadu, pantas, berkesan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Plenary, yang dipengerusikan oleh Naib Presiden Amerika Syarikat, Puan Yang Terutama Kamala D. Harris, iaitu sejurus selepas Majlis Santap Tengah Hari.

>> Muka 1

Majlis Santap Tengah Hari yang berlangsung di Department of State, Washington D.C., di sini turut dihadiri oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN;

Setiausaha Negara AS dan Setiausaha Agung ASEAN.

Sejurus keberangkatan tiba di Department of State, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dijunjung oleh Chief of Protocol bagi AS, Ambassador Rufus Gifford.

Baginda kemudian berangkat ke Benjamin Franklin Room bagi menghadiri Majlis Santap Tengah Hari tersebut.

Semasa Majlis Santap Tengah Hari, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah bahawa ASEAN telah menubuhkan ASEAN SHIELD bagi memastikan tindak balas yang bersepadu, pantas dan berkesan terhadap kecemasan dan bencana yang bersifat pelbagai dimensi pada masa hadapan dan menggalakkan agensi-agensi AS seperti Federal Emergency Management Agency dan The U.S. Center for Disease and Control Prevention dapat memberikan nilai tambah kepada usaha ASEAN untuk membina rantau yang lebih berdaya tahan.

Baginda seterusnya bertitah mengenai Kenyataan East Asia Summit Leaders on Mental Health Cooperation, yang ditaja bersama oleh Negara Brunei Darussalam dan AS pada tahun 2021 di mana baginda berharap ASEAN dan AS akan dapat bekerjasama dalam bidang kesihatan mental.

Selain itu, kerjasama keselamatan maritim di rantau ini adalah penting untuk memastikan keselamatan laluan perhubungan laut.

Baginda bertitah bahawa Negara Brunei



Siaran Akhbar :

Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Azmah Haji Ahad

Darussalam akan terus bekerjasama rapat dengan rakan-rakan serantau dalam meningkatkan keselamatan maritim melalui dialog dan kerjasama, di mana pada tahun lepas Expanded ASEAN Maritime Forum Ke-9 telah dianjurkan yang menumpukan kepada undang-undang antarabangsa dan perlindungan persekitaran laut serta ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus, di mana ASEAN Direct Communications Infrastructure di antara pegawai-pegawai ketenteraan telah diperluaskan untuk merangkumi rakan kongsi luar seperti AS.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	ISNIN	15	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.40
17	SELASA	16	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
18	RABU	17	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
19	KHAMIS	18	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
20	JUMAAT	19	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.27	7.41
21	SABTU	20	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
22	AHAD	21	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Tutong			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

16 MEI 2022

Sesi persekolahan secara bersemuka dengan SOP, garis panduan yang dikemas kini

PELAKSANAAN aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah secara bersemuka pada Sabtu, 14 Mei 2022 bagi semua peringkat dalam norma baharu setelah gelombang ketiga wabak COVID-19 dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) dikemas kini dengan beberapa garis panduan yang ditetapkan.

Setentunya pelajar-pelajar merasa teruja dapat belajar bersemuka semula dengan kawan-kawan dan lebih fokus serta bersemangat dan ini diharap akan meningkatkan lagi kualiti pembelajaran semasa berada di sekolah. Garis panduan yang telah dikemas kini oleh Kementerian Pendidikan menambah keyakinan para ibu bapa serta penjaga terhadap usaha-usaha pihak sekolah dalam menjaga kesejahteraan pelajar-pelajar.

Beberapa garis panduan yang dikemas kini merangkumi berbagai perkara, iaitu secara ringkasnya bagi Garis Panduan Pengangkutan Pelajar menghendaki pemandu jalani Ujian Pantas Antigen (ART) sekali seminggu dan hendaklah melaporkan ke Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Kementerian Pendidikan, memakai tali pinggang keselamatan semasa dalam bas atau jaket keselamatan semasa di dalam perahu ketika dalam perjalanan, membuka jendela bas bagi pengudaraan, bas atau perahu akan disanitasi setiap kali selepas pengangkutan pelajar.

Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Di Pintu Utama Sekolah dengan penyediaan drop off / pick up zone dan penjadualan berperingkat semasa kehadiran ke sekolah. Garis Panduan Pengawasan Semasa Kehadiran dan Pengambilan Balik Pelajar, iaitu dilaksanakan secara berperingkat. Garis Panduan Kesihatan Ketika Masuk Bangunan Sekolah bagi pegawai, guru, kakitangan, ibu bapa atau penjaga, pekerja kantin, facility management dan orang awam iaitu mengimbas Kod BruHealth semasa masuk dan keluar bangunan sekolah.

Garis Panduan Kesihatan dan Keselamatan di Kantin, iaitu antaranya penjadualan berperingkat semasa waktu rehat, premis kantin dibuka untuk makanan dibawa pulang (take away) dan secara penghantaran (delivery) sahaja. Garis Panduan Kesihatan dan Keselamatan di Bilik Darjah, iaitu memastikan pintu dan tingkap bilik darjah dibuka bagi pengudaraan yang baik, makan dan minum di tempat masing-masing pada waktu rehat, membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan. Malahan dikemas kini Garis Panduan Kesihatan dan Keselamatan di Tandas, iaitu antaranya pengawasan penggunaan tandas secara berperingkat semasa waktu pembelajaran.

Semua garis panduan berkenaan, termasuklah perkara-perkara berikut, iaitu pemakaian sungkup muka yang betul, double diperlukan jika surgical mask tidak menutup mulut dan hidung sepenuhnya, pemeriksaan suhu badan dan jika mengalami sebarang simptom tidak dibenarkan masuk bangunan sekolah, mengamalkan kebersihan diri dengan kerap mencuci tangan dengan sabun cecair dan air bersih atau hand sanitiser, sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal / sosial yang selamat dengan jarak 1 meter. Diharap dengan segala usaha dan kerjasama dari semua pihak dapat membantu pelajar-pelajar menjalani sesi pembelajaran dengan selamat dan penuh keceriaan.

- Ketua Penyuntingan PB (Hb)



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Plenary Pertama, yang dipengerusikan oleh Naib Presiden Amerika Syarikat. Berangkat mengiringi baginda ke majlis tersebut, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan bawah).



>> Muka 2

Pada mengakhiri titah, baginda bertitah agar ASEAN dan AS terus komited kepada penglibatan yang aman melalui dialog dan perundingan melalui berbagai

mekanisme yang dipimpin oleh ASEAN untuk memastikan rantau ini aman, stabil dan makmur.

Majlis Santap Tengah Hari tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Naib

Presiden AS, yang menekankan bahawa AS terus komited terhadap pengukuhan hubungan dengan ASEAN dan negara-negara anggotanya dan mengambil maklum mengenai kepentingan strategik rantau

ini bagi kemakmuran dan keselamatan rakyat AS.

Para pemimpin juga telah membincangkan perkara-perkara mengenai kerjasama maritim dan pemulihan pandemik dan kesihatan.



ASEAN BERIKAN PENEKANAN MENDALAM TERHADAP PERUBAHAN IKLIM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan berangkat bersama para pemimpin yang lain untuk menghadiri Sesi Plenary, Sidang Kemuncak Khas ASEAN - Amerika Syarikat. Berangkat mengiringi baginda ke majlis tersebut, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd.
Noor / Morshidi, Azmah
Haji Ahad

NOORWASHINGTON D.C.,
AMERIKA SYARIKAT, Jumaat,
13 Mei. - Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para pemimpin yang lain, sejurus sahaja menghadiri Majlis Santap Tengah Hari kemudiannya

beredar ke Loy Henderson International Conference Room untuk menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN - Amerika Syarikat (AS), hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sesi Plenary Pertama ini telah dipengerusikan oleh Naib Presiden AS, Puan Yang Terutama Kamala D. Harris dan

turut dihadiri oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN; Wakil Khas Presiden AS bagi Iklim; Setiausaha Tenaga AS; Setiausaha Pengangkutan AS dan Setiausaha Agung ASEAN.

>> Muka 4



>> Muka 3

Semasa Sesi Plenary Pertama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan mengurniakan titah dengan menzahirkan penghargaan kepada AS atas pembaharuan komitmennya kepada perubahan iklim, sepertimana yang terjadi semasa COP-26 di Scotland.

Baginda seterusnya mengucapkan tahniah kepada Presiden AS atas usaha-usaha peribadi beliau untuk bekerjasama dengan negara-negara kuasa besar yang lain bagi

melaksanakan Perjanjian Paris. Baginda seterusnya bertitah, bahawa ASEAN juga memberikan penekanan yang mendalam terhadap perubahan iklim, seperti ASEAN Climate Change Centre, di mana baginda juga merakamkan penghargaan kepada AS terhadap ketersediaannya bagi penghantaran seorang Science Fellow untuk mendukung penubuhan pusat tersebut, di Negara Brunei Darussalam.

Dalam menuju masa depan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa banyak usaha perlu dilaksanakan menangani tindakan iklim, seperti pembangunan kapasiti.

Baginda juga bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam sedang mengutamakan usaha-usaha dalam memastikan ekonomi negara terus berdaya tahan dan mampan melalui penggunaan teknologi karbon rendah serta meningkatkan inisiatif dengan tujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon.

Akhir sekali, baginda mengalu-alukan penglibatan AS dalam inisiatif-inisiatif perubahan iklim di rantau ini.

Terdahulu sebelum itu, Sesi Plenary dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Naib Presiden AS, yang mengambil maklum akan kesan-kesan krisis iklim terhadap ASEAN dan AS dan oleh itu, mencadangkan kedua-dua pihak untuk bersepadu dalam mendukung aspirasi dan mencapai keperluan infrastruktur dengan mampan.

Dalam pada itu, AS telah melancarkan inisiatif-inisiatif mengenai tenaga bersih dan infrastruktur iklim yang pintar, perkongsian mengenai pengangkutan mampan dan perlindungan hutan serta perkongsian data satelit untuk bertindak balas terhadap cuaca luar biasa.

Pada Sesi Plenary tersebut, para pemimpin juga telah membincangkan mengenai tindakan iklim, transformasi tenaga bersih dan infrastruktur mampan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan berangkat bersama para pemimpin yang lain untuk menghadiri Sesi Plenary, Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS. Berangkat mengiringi baginda ke majlis tersebut, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

HUBUNGAN ASEAN - AS AKAN TERUS MAJU KE ARAH KEAMANAN, KEMAKMURAN

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan berangkat bersama para pemimpin yang lain untuk menghadiri Sesi Plenary Kedua, Sidang Kemuncak Khas ASEAN - Amerika Syarikat (AS) yang dipengerusi oleh Presiden AS, Tuan Yang Terutama Joseph R. Biden Jr. Berangkat mengiringi baginda ke majlis tersebut, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kanan dan atas).

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Jumaat, 13 Mei. - Sejurus selesai Sesi Plenary Pertama mengenai Iklim, Sesi Plenary Kedua mengenai Isu-Isu Serantau dan Global diteruskan di mana sesi tersebut telah dipengerusi oleh Presiden Amerika Syarikat (AS), Tuan Yang Terutama Joseph R. Biden Jr., hari ini, di sini.

Sesi tersebut juga dihadiri oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN; Setiausaha Negara Amerika Syarikat; dan Setiausaha Agung ASEAN.

Semasa Sesi Plenary Kedua yang berlangsung di Department of State, Washington D.C., di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan mengurniakan titah di mana baginda melahirkan rasa gembira kerana menghadiri secara fizikal ke Sidang Kemuncak ASEAN bersama Rakan Dialog yang diadakan pada julung kalinya sejak tercetusnya pandemik COVID-19.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka



Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa sesi tersebut, baginda juga merakamkan penghargaan atas sokongan Presiden AS, TYT Joseph R. Biden Jr. kepada Negara Brunei Darussalam semasa Pengerusi ASEAN pada tahun 2021 dan seterusnya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Kemboja, TYT Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini.

Baginda melahirkan rasa puas hati kerana sempena Ulang Tahun Ke-45 Hubungan Dialog ASEAN - AS di mana AS merupakan rakan strategik ASEAN dalam memelihara keamanan, membuat pelaburan dalam ekonomi dan mendukung pembangunan ASEAN.

Semasa pandemik COVID-19, ASEAN memanfaatkan sokongan padu AS melalui pembekalan

vaksin dan peralatan perubatan. Baginda juga memuji kepimpinan peribadi Presiden AS terhadap perkara ini, termasuk penganjuran Sidang Kemuncak COVID-19 Kedua semalam.

Menjelang Ulang Tahun Ke-50 Hubungan ASEAN - AS, baginda ingin melihat keamanan, kestabilan dan pembangunan mampan akan berterusan untuk kesemua penduduk di Indo-Pasifik.

Bagi mencapainya, kerjasama di antara ASEAN dan AS ini akan memberikan faedah kepada penduduk, melalui pendekatan yang lebih strategik dan komprehensif.

Antara lainnya, kerjasama tersebut memerlukan peningkatan yang ketara secara mendalam dan skop pertukaran, latihan dan pembangunan kapasiti bagi semua penduduk, termasuk membina inisiatif seperti

ASEAN Junior Fellowship Programme dan ASEAN - U.S. Internship Programme.

Baginda yakin, bahawa usaha-usaha berkenaan akan menyumbang kepada peningkatan kepercayaan dan persefahaman antara penduduk, terutamanya golongan belia di mana merupakan asas kepada hubungan ASEAN - AS di masa hadapan.

Baginda juga mencadangkan agar bidang baharu yang mempunyai kepentingan bersama dikenal pasti untuk manfaat bersama, di mana satu bidang yang penting kepada gaya hidup penduduk ialah pengurusan, kesejahteraan dan keselamatan kawasan maritim.

>> Muka 5



>> Muka 4

ASEAN telah memulakan kerja dalam Ekonomi Biru pada tahun 2021 bagi mempromosikan penggunaan

sumber maritim yang mampan. Dengan pelancaran US Blue Economy Strategic Plan, baginda bertitah bahawa perkembangan kerjasama dalam bidang ini adalah tepat pada

masanya, di mana ASEAN dan AS boleh mendapat manfaat bersama daripada pengalaman masing-masing.

Baginda bertitah bahawa kerjasama di kawasan maritim, termasuk Laut China Selatan, adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa dan 1982 U.N. Convention on The Law of The Sea.

Dengan satu pertiga daripada perkapalan antarabangsa melalui Laut China Selatan, memastikan keamanan dan keselamatan adalah amat penting di peringkat global.

Oleh itu, pematuhan semua pihak kepada undang-undang antarabangsa, termasuk menunggakan prinsip-prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah mustahak.

Baginda bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam akan terus memupuk persekitaran yang aman dan tenteram dan menggalakkan semua negara, sama ada yang besar mahupun kecil, mengutamakan dialog dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para pemimpin yang lain untuk menghadiri Sesi Plenary Kedua, Sidang Kemuncak Khas ASEAN - Amerika Syarikat (AS). Berangkat mengiringi baginda ke majlis tersebut, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan atas).

kerjasama.

Baginda juga mengalu-alukan pengumuman AS yang mana untuk mempertingkatkan penglibatan dalam bidang pendidikan dan pertukaran antara penduduk ASEAN serta cadangan AS untuk menubuhkan Indo-Pacific Economic Framework yang akan dapat mendorong pertumbuhan dan menjana peluang.

Pada mengakhiri titah, baginda mengalu-alukan pembaharuan komitmen AS kepada ASEAN dan menzahirkan keyakinan bahawa hubungan ASEAN - AS akan terus maju menuju ke arah masa depan yang aman, makmur dan penuh dengan peluang di bawah kepimpinan Presiden AS.

Sementara itu, Sesi Plenary ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada TYT Presiden AS, di mana TYT menzahirkan rasa puas hati, bahawa hubungan



ASEAN dan AS menuju ke era baharu, di mana perbincangan telah meliputi pelbagai isu termasuk pandemik COVID-19, masa depan tenaga bersih, infrastruktur mampan, akses kepada pendidikan dan kerjasama maritim.

Pada Sesi Plenary tersebut, para pemimpin juga telah membincangkan mengenai hubungan ASEAN - AS di masa hadapan dan isu-isu mengenai rantau Indo-Pasifik.

Pada Sidang Kemuncak Khas ini, ASEAN - U.S. Special Summit Joint Vision Statement telah diluluskan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Sesi Plenary Kedua, yang berlangsung di Department of State, Washington D.C.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Sesi Plenary Kedua bersama para Pemimpin Negara-negara Anggota ASEAN lain, yang berlangsung di Department of State, Washington D.C. Berangkat mengiringi baginda ke majlis berkenaan ialah paduka anakanda baginda, DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

BERANGKAT BALIK MENINGGALKAN WASHINGTON D.C., AS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Amerika Syarikat (AS) setelah berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kanan).

SSiaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Jumaat, 13 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam ini, berangkat balik meninggalkan Washington D.C., Amerika Syarikat (AS) setelah menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat meninggalkan tempat persemayaman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan,

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berada di Lapangan Terbang Joint Base Andrews, bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke AS, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Serbini bin Haji Ali.

Semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Washington D.C., baginda berkenan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari, yang dihoskan oleh Naib Presiden AS, Puan Yang Terutama Kamala D. Harris, di mana para pemimpin membincangkan perkara-perkara mengenai kerjasama maritim dan pemulihan pandemik serta kesihatan.

Kebawah DYMM bertitah agar ASEAN dan AS terus komited kepada penglibatan yang aman melalui dialog dan perundingan melalui berbagai mekanisme, yang dipimpin oleh ASEAN untuk

memastikan rantau ini aman, stabil serta makmur.

Seterusnya, baginda berkenan menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS, yang berlangsung di Department of State.

Sesi Plenary Pertama dipengerusikan oleh Puan Yang Terutama Naib Presiden AS dan membincangkan mengenai tindakan iklim, transformasi tenaga bersih dan infrastruktur mampan.

Semasa sesi tersebut, Kebawah DYMM mengalu-alukan penglibatan AS dalam inisiatif-inisiatif perubahan iklim, di rantau ini.

Manakala Sesi Plenary Kedua dipengerusikan oleh Presiden AS, Tuan Yang Terutama Joseph R. Biden Jr., di mana para pemimpin berbincang mengenai isu-isu serantau dan global serta hubungan ASEAN - AS di masa hadapan dan isu-isu mengenai rantau Indo-Pasifik.

Pada sesi ini, Kebawah DYMM mengalu-alukan pembaharuan komitmen AS kepada ASEAN dan menzahirkan



keyakinan, bahawa hubungan ASEAN - AS akan terus maju menuju ke arah masa depan yang aman, makmur serta penuh dengan peluang di bawah

kepemimpinan Presiden AS.

Pada Sidang Kemuncak Khas ini, ASEAN - U.S. Special Summit Joint Vision Statement telah diluluskan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tengah ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas dan bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama rakyat dan penduduk negara ini di AS sejurus sebelum berangkat meninggalkan hotel tempat persemayaman baginda ketika berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

PEMILIHAN SKUAD BOLA JARING KEBANGSAAN



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku ahli panel pemilihan pada sesi bergambar ramai.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman dan Ihsan Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam

BERAKAS, Ahad, 15 Mei. - Bagi memantapkan lagi persediaan pemain-pemain Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam (BNA) dalam Kejohanan Bola Jaring Asia Ke-12, yang akan berlangsung di Singapura, BNA mengadakan pemilihan skuad bola jaring kebangsaan bagi perlawanan tersebut, yang berlangsung di Sekolah Sukan, di sini.

Berkenan berangkat selaku ahli panel pemilihan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah

Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pendaftaran bagi pemilihan kali ini dibuka melalui dalam talian selama lima hari, di mana sebanyak 100 penyertaan diterima dan seramai 31 peserta menepati syarat untuk menyertai pemilihan tersebut.

Penapisan pemilihan dibuat berdasarkan daripada pemain-pemain yang pernah menyertai Liga Bola Jaring

Brunei 2021, Perlawanan Asian Netball Championship (ANC) dan ASEAN Youth Netball Championship (AYNC), menyertai Sukan SEA dan Nasional Pool yang juga merupakan syarat utama untuk menyertai pemilihan yang diadakan pada kali ini.

Setiausaha Kehormat Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam, Ssjn. (B) Sabariah binti Haji Kamel Jumat semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan bagi 20 peserta yang terpilih daripada pemilihan tersebut akan diberikan *fitness test* pada 24, 26 dan 28 Mei ini.

Jelasnya lagi, selesai sahaja

fitness test berkenaan, daripada 20 peserta terpilih tersebut, sebanyak 12 pemain terbaik akan dipilih untuk menyertai Kejohanan Bola Jaring Asia Ke-12.

Pemain-pemain yang berjaya dalam pemilihan akan

diumumkan pada 16 Mei 2022.

Sebelum bermulanya pemilihan, peserta-peserta disaran untuk mengikut semua garis panduan SOP yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah selaku ahli panel pemilihan pada sesi bergambar ramai bagi memantapkan lagi persediaan pemain-pemain BNA dalam Kejohanan Bola Jaring Asia Ke-12, yang akan berlangsung di Singapura.



ANTARA aksi pada sesi pemanasan dalam pemilihan bagi memantapkan lagi persediaan pemain-pemain BNA dalam Kejohanan Bola Jaring Asia Ke-12, yang akan berlangsung di Singapura (atas dan kanan).



PASCA PANDEMIK PEMULIHAN EKONOMI DIBINCANGKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku wakil Negara Brunei Darussalam hadir pada Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN bersama Peniaga-peniaga Amerika Syarikat (AS), yang diadakan pada Khamis, 12 Mei 2022, di The Willard InterContinental Hotel, Washington D.C., AS (atas dan kanan).

MESYUARAT Ketua-ketua Negara ASEAN bersama dengan Peniaga-peniaga Amerika Syarikat (AS) membincangkan mengenai isu-isu berkaitan dengan pasca pandemik pemulihan ekonomi masa hadapan, khususnya bagi sektor tenaga, iklim dan digitalisasi.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berpendapat, bahawa terdapatnya peluang yang besar dalam pengeluaran modal daripada pihak swasta bagi pembiayaan pertumbuhan hijau.

ASEAN juga aktif dalam mempromosikan ekosistem yang kondusif bagi menarik pelaburan yang mampan ke sektor ini. Dalam hubungan ini, perniagaan-perniagaan AS boleh memainkan peranan penting dan menjadi pemangkin dalam penyaluran pelaburan yang kritikal, memberikan kepakaran dan peralihan teknologi ke Negara-negara Anggota ASEAN.

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 14 Mei. - Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN bersama Peniaga-peniaga Amerika Syarikat (AS), yang diadakan pada Khamis, 12 Mei 2022, di The Willard InterContinental Hotel, Washington D.C., AS.

Hadir selaku wakil Negara Brunei Darussalam ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd.

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad



Amin Liew bin Abdullah.

Mesyuarat tersebut membincangkan mengenai isu-isu berkaitan dengan pasca pandemik pemulihan ekonomi masa hadapan, khususnya bagi sektor tenaga, iklim dan digitalisasi.

Semasa perbincangan dasar mengenai tenaga, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengetengahkan, bahawa ASEAN dan A.S. melaksanakan pelbagai inisiatif, seperti ASEAN-U.S. Energy Cooperation Work Plan 2021-2025 dan ASEAN-U.S. Climate Future Initiative.

Yang Berhormat juga memaklumkan mengenai Rangka Kerja Pemulihan Komprehensif ASEAN (ACRF), yang diterima pakai pada tahun 2020 semasa Sidang Kemuncak ASEAN

Ke-37, di mana telah menekankan kepentingan tenaga mampan dan menggalakkan pertumbuhan hijau bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi rantau ini.

Yang Berhormat turut mengongsikan, bahawa ASEAN telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk menyelaraskan pasaran modal di rantau ini dengan agenda kemampanan, seperti ASEAN Green Bonds Standards dan ASEAN Sustainability Bonds Standards serta memperkenalkan Taxonomi ASEAN untuk kewangan mampan.

Yang Berhormat berpendapat, bahawa terdapatnya peluang yang besar dalam pengeluaran modal daripada pihak swasta bagi pembiayaan pertumbuhan hijau.

ASEAN juga telah aktif dalam mempromosikan ekosistem yang kondusif bagi menarik pelaburan yang mampan ke sektor ini.

Dalam hubungan ini, perniagaan-perniagaan AS boleh memainkan peranan penting dan menjadi pemangkin dalam penyaluran pelaburan yang kritikal, memberikan kepakaran dan peralihan teknologi ke Negara-negara Anggota ASEAN.

Mesyuarat tersebut juga dihadiri oleh ahli-ahli perniagaan di AS dan bertujuan untuk meningkatkan kerjasama yang rapat di antara sektor kerajaan dan swasta, di rantau ASEAN.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II pada Majlis Makan Tengah Hari bagi Para Pemimpin ASEAN serta wakil yang dihoskan oleh House Speaker of the House of Representatives, Puan Yang Terutama Nancy P. Pelosi di Capitol Hill.

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

CAPITOL HILL, Khamis, 12 Mei. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menghadiri Majlis Makan Tengah Hari bagi Para Pemimpin ASEAN serta wakil yang dihoskan oleh House Speaker of the House of Representatives, Puan Yang Terutama Nancy P. Pelosi di Capitol Hill.

Semasa majlis tersebut, Puan Yang Terutama dalam ucapannya menyatakan, bahawa perkongsian di antara ASEAN dan Amerika Syarikat (AS) di Indo-Pasifik adalah penting untuk keselamatan serta kestabilan, di rantau tersebut.

Menyentuh mengenai ekonomi,

hubungan perdagangan ASEAN - AS mesti diperkukuhkan bagi menjamin kemakmuran semua penduduk. PYT juga ingin menggalakkan kerjasama di antara ASEAN dan AS untuk dipertingkatkan lagi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi bersama.

PYT juga menggesa usaha bersama dalam menangani cabaran dan isu yang membimbangkan bagi mengukuhkan lagi hubungan di antara ASEAN dan AS.

Semasa majlis tersebut juga, para pemimpin membincangkan tentang hubungan ASEAN - AS serta isu-isu serantau dan global yang mempunyai kepentingan bersama.

Terus perkukuh hubungan ASEAN - AS



PARA Pemimpin ASEAN serta wakil yang menghadiri Majlis Makan Tengah Hari berkenaan.

KUKUHKAN, BINA ASEAN - AS LEBIH KOMPREHENSIF



**Siaran Akhbar :
ASEAN Secretariat**

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 14 Mei. - Negara-negara Anggota ASEAN dan Amerika Syarikat (AS) mengeluarkan Kenyataan Visi Bersama semasa Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS yang pertama kali diadakan di Washington D.C., pada 12 hingga 13 Mei 2022.

Dalam Kenyataan Visi Bersama tersebut, Negara-negara ASEAN dan AS menekankan kepentingan mematuhi prinsip utama, nilai bersama dan norma yang termaktub dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Piagam ASEAN, Deklarasi ZOPFAN (Zone of Peace, Freedom and Neutrality

(ZOPFAN), Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC), Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) 1982, Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) dan Tinjauan ASEAN mengenai Indo Pasifik (AOIP).

Turut ditekankan dalam Kenyataan Visi Bersama itu adalah kepentingan mewujudkan persekitaran yang aman untuk meningkatkan lagi kerjasama dan mengukuhkan ikatan persahabatan yang sedia ada dalam kalangan negara kita, selaras dengan prinsip kesaksamaan, perkongsian, perundingan dan saling menghormati, berpandukan prinsip

Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Deklarasi Prinsip Saling Menguntungkan (Prinsip Bali).

Dalam pada itu juga, Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS juga mengakui, bahawa kerjasama ini telah lama sangat diperlukan oleh ASEAN kepada AS dan kepada masyarakat antarabangsa yang lebih luas, bermula dengan dialog pertama, di Manila, pada tahun 1977 serta berkembang dengan Penandatanganan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama AS dalam Asia Tenggara; dengan Penubuhan Misi AS ke ASEAN, di Jakarta; dan dengan Penubuhan ASEAN - AS Sidang Kemuncak.

Dalam Kenyataan Visi Bersama juga mengambil maklum bahawa kedua-dua AOIP dan Strategi

Indo-Pasifik AS berkongsi prinsip asas yang relevan, dalam mempromosikan seni bina serantau yang terbuka, inklusif serta berasaskan peraturan, di mana ASEAN adalah pusat bersama rakan kongsi yang berkongsi matlamat ini.

Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS juga menegaskan semula komitmen Bersama, untuk mengukuhkan dan membina ASEAN - AS yang lebih komprehensif. Hubungan Dialog, yang telah lama diperlukan oleh ASEAN dan AS serta rantau yang lebih luas serta masyarakat antarabangsa untuk terus mempromosikan dan mengekalkan keamanan, keselamatan, kestabilan serta kemakmuran di rantau ini untuk memastikan,

bahawa hubungan kekal, boleh disesuaikan untuk menghadapi cabaran baharu; dan untuk bekerjasama dengan sebaiknya dalam forum antarabangsa serta serantau, di mana Negara-negara Anggota ASEAN dan AS adalah ahli.

Turut ditegaskan semula komitmen bersama, untuk mengekalkan dan mempromosikan keamanan, keselamatan dan kestabilan di rantau ini serta penyelesaian pertikaian secara aman, termasuk saling menghormati terhadap proses undang-undang dan diplomatik, tanpa menggunakan ancaman atau penggunaan kekerasan, selaras dengan undang-undang antarabangsa.

Bersatu memerangi pandemik COVID-19

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 14 Mei. - Sempena merayakan Ulang Tahun Ke-45 Hubungan Dialog ASEAN - Amerika Syarikat (AS) pada 2022, Negara-negara Anggota ASEAN dan AS komited untuk menubuhkan Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN - AS yang bermakna, substantif dan saling menguntungkan di Sidang Kemuncak ASEAN - AS Ke-10, pada November 2022.

Sehubungan itu, Negara-

negara Anggota ASEAN dan AS, dalam Kenyataan Visi Bersama mengisytiharkan untuk memerangi pandemik COVID-19, membina keselamatan kesihatan yang lebih baik dan pulih bersama, dengan menyokong pemulihan pandemik ASEAN serta usaha keselamatan kesihatan dengan mengukuhkan sistem dan keupayaan kesihatan serantau serta negara, seperti melalui Inisiatif Kesihatan Masa Depan

ASEAN - AS dan komited pada pembiayaan global yang mencukupi, lebih kukuh serta mampan untuk pencegahan, kesediaan dan tindak balas wabak, termasuk menyokong usaha berterusan bersama Bank Dunia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Dalam mengalu-alukan sokongan yang dihulurkan oleh Rakan Dialog ASEAN melalui pelbagai inisiatif, termasuk Perkongsian Vaksin Quad, kami

kekal komited untuk memudahkan akses saksama pada perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang selamat, berpatutan serta berkualiti.

Kenyataan Visi Bersama juga komited untuk mengembangkan kapasiti pembuatan mampan tempatan dan serantau bagi produk perubatan penting, termasuk melalui pemindahan pengetahuan mengenai terma sukrela serta dipersetujui bersama dan pemberian bantuan teknikal.

Negara-negara Anggota ASEAN dan AS juga komited untuk melabur dalam serta mengukuhkan sistem kesihatan melalui Perlindungan Kesihatan Sejagat, khususnya penjagaan kesihatan primer dan akses pada perkhidmatan kesihatan penting serta mengembangkan dan melatih tenaga kerja kesihatan sebagai asas yang kukuh untuk keselamatan kesihatan serta kesihatan serantau dan global.

Terus bekerjasama galakkan perdagangan, pelaburan

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 14 Mei. - Negara-negara Anggota ASEAN dan Amerika Syarikat (AS) dalam Kenyataan Visi Bersama semasa Sidang Kemuncak Khas ASEAN - AS berikrar untuk memperkukuhkan hubungan ekonomi serta kesalinghubungan.

Dalam Kenyataan Visi Bersama menyatakan, bahawa ASEAN - AS komited untuk terus memajukan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh, saksama, lebih inklusif serta pembangunan mampan, termasuk melalui pelaksanaan Susunan Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan serta Pelan Kerja

Inisiatif Penglibatan Ekonomi yang Diperluas ASEAN - AS dan melalui penyertaan ekonomi penting AS, di rantau ini.

ASEAN - AS juga komited untuk berusaha memenuhi keperluan infrastruktur rantau ini dengan memungkinkan pelaburan dalam projek infrastruktur berstandard tinggi, telus, rendah karbon dan berdaya tahan iklim, yang memajukan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan, yang memenuhi piawaian buruh antarabangsa serta perlindungan alam sekitar yang terpakai.

Dalam pada itu juga, ASEAN - AS komited untuk terus bekerjasama

untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan serta memudahkan rantai bekalan global yang berdaya tahan dan kesalinghubungan serantau yang lancar, termasuk untuk barangan keperluan, seperti bekalan perubatan, ubat-ubatan, vaksin, makanan serta produk pertanian, komoditi, produk berteknologi tinggi dan bekalan serta perkhidmatan penting lain, menyumbang pada pemulihan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan, di rantau ini.

Kenyataan Visi Bersama ASEAN - AS juga menyatakan, usaha untuk memperdalam kerjasama, dalam

kesalinghubungan pengangkutan, termasuk program kemudahan udara, darat, maritim dan pengangkutan untuk memajukan pembangunan infrastruktur yang mampan serta menyokong teknologi baharu muncul, termasuk kenderaan elektrik.

Para pemimpin ASEAN dan AS juga komited serta melabur dalam kemakmuran dan pembangunan di ASEAN serta AS dan bekerjasama secara aktif, dalam perbincangan untuk mengukuhkan sistem tadbir urus serantau serta global dan kami berharap untuk mengukuhkan lagi kerjasama, termasuk melalui inisiatif atau rangka kerja yang

berkaitan AS atau ASEAN.

Sementara itu, komited untuk meningkatkan keupayaan keselamatan siber, menggalakkan celik digital dan rangkuman, serta mengukuhkan rangka kerja dan dasar yang memupuk kecekapan, inovasi, komunikasi, penggunaan internet yang selamat serta saksama dan kemakmuran ekonomi, di samping bertukar-tukar pandangan serta pengalaman tentang ancaman siber dan peraturan rangka kerja serta piawaian teknikal yang melindungi data peribadi berdasarkan teknologi baharu muncul dan kelemahannya.

Melindungi, memulihkan, mengurus persekitaran marin secara mampan

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 14 Mei. - Para Pemimpin ASEAN dan Amerika Syarikat (AS) dalam Kenyataan Visi bersama mengambil maklum mengenai Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu A/RES/75/239 yang menekankan dalam Mukadimah, sifat universal dan bersatu UNCLOS 1982 serta menekankan semula, bahawa konvensyen tersebut, menetapkan rangka kerja undang-undang, di mana semua aktiviti di lautan dan laut mesti dilaksanakan serta mempunyai kepentingan strategik sebagai asas bagi tindakan dan kerjasama kebangsaan, serantau serta global dalam sektor marin dan integritinya perlu dikekalkan.

Para Pemimpin ASEAN dan AS juga komited untuk memajukan kerjasama dalam domain maritim melalui mekanisme yang diterajui ASEAN serta merancang untuk menjalin hubungan baharu dan menggalakkan kerjasama serta penyelarasan dalam kalangan agensi berkaitan, termasuk agensi penguatkuasaan undang-undang maritim untuk bekerjasama meningkatkan kesedaran domain maritim, mencari dan menyelamatkan, keselamatan maritim serta untuk membendung aktiviti perikanan haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal (IUU) melalui perkongsian maklumat, amalan terbaik serta kepakaran dan bantuan teknikal yang akan melengkapkan serta tidak menduplikasi mekanisme sedia ada.

Dalam Kenyataan Visi Bersama juga komited untuk meneruskan usaha untuk melindungi, memulihkan dan mengurus persekitaran marin secara mampan, seterusnya berdedikasi untuk mengekalkan keamanan, keselamatan serta kestabilan di rantau ini dan untuk memastikan keselamatan serta keselamatan maritim dan kebebasan pelayaran serta penerbangan dan penggunaan lain yang sah di laut seperti yang diterangkan, dalam UNCLOS 1982 serta tidak terhalang oleh undang-undang perdagangan maritim dan bukan ketenteraan serta kekangan diri dalam menjalankan aktiviti.

Kenyataan Visi Bersama para Pemimpin ASEAN dan AS juga

mengambil maklum mengenai faedah menjadikan Laut China Selatan sebagai lautan yang aman, stabil serta makmur dan menekankan kepentingan langkah praktikal yang boleh mengurangkan ketegangan serta risiko kemalangan, salah faham dan salah pengiraan.

Turut ditekankan dalam Kenyataan Visi Bersama adalah kepentingan untuk meningkatkan keyakinan dan langkah-langkah pencegahan, antara lain untuk meningkatkan kepercayaan serta keyakinan dalam kalangan pelbagai pihak dan selanjutnya menegaskan semula keperluan untuk meneruskan penyelesaian pertikaian secara aman mengikut prinsip undang-undang

antarabangsa yang diiktiraf secara universal, termasuk UNCLOS 1982.

Para Pemimpin ASEAN dan AS juga menggariskan kepentingan pelaksanaan penuh dan berkesan Deklarasi 2002 mengenai Conduct of Parties in The South China Sea (DOC) secara keseluruhannya serta menekankan keperluan untuk mengekalkan dan menggalakkan persekitaran yang kondusif untuk rundingan Code of Conduct in The South China Sea (COC), seterusnya mengalu-alukan kemajuan selanjutnya ke arah kesimpulan awal COC yang berkesan dan substantif yang konsisten dengan undang-undang antarabangsa, termasuk UNCLOS 1982.

KOMITED MEMAJUKAN HAK ORANG KURANG UPAYA



**Siaran Akhbar :
ASEAN Secretariat**

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 14 Mei. - Kenyataan Visi Bersama para Pemimpin ASEAN dan Amerika Syarikat (AS) komited untuk melabur dalam pembangunan modal insan, memperkasakan belia dan kumpulan yang terdedah atau terpinggir serta mengukuhkan hubungan di antara rakyat, antara lain, sokongan untuk bahasa Inggeris, kemahiran digital, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Sains, Latihan Teknologi, Kejuruteraan dan

Matematik (STEM) di rantau ini, termasuk melalui Program Billion Futures dan Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (YSEALI).

Dalam Kenyataan Visi Bersama juga menyatakan komited untuk bekerjasama bersama rakan kongsi, termasuk syarikat-syarikat dan universiti-universiti untuk meningkatkan akses pada pendidikan, di samping memupuk kerjasama dan pertukaran dalam kalangan pelajar serta pekerja dan komited untuk memperkasakan wanita dan gadis serta mempromosikan kesaksamaan dan kesaksamaan gender melalui penglibatan

yang dipertingkatkan, dalam mekanisme yang diterajui ASEAN, termasuk melalui sokongan untuk program serta inisiatif gender ASEAN.

Para Pemimpin ASEAN dan AS juga komited untuk memajukan hak orang kurang upaya, melalui sokongan pelaksanaan ASEAN Enabling Masterplan on Mainstreaming the Rights of Persons with Disabilities.

Kenyataan Visi Bersama turut menyatakan sokongan terhadap pembangunan sub-rantau dengan menyokong ASEAN Centrality dan perpaduan, dalam mempromosikan pembangunan sub-serantau ASEAN.

Seterusnya, para Pemimpin ASEAN dan AS juga komited untuk menggalakkan kestabilan, keamanan, kemakmuran serta pembangunan mampan subrantau Mekong melalui inisiatif bersama, di bawah Mekong - AS Perkongsian (MUSP), yang melengkapkan Friends of the Mekong dan menyokong pelaksanaan Pelan Induk mengenai Kesalinghubungan ASEAN (MPAC) 2025 serta Pelan Kerja Inisiatif Integrasi ASEAN (IAI) IV (2021 - 2025).

Sokongan turut ditunjukkan dalam usaha ASEAN bagi menggalakkan pembangunan saksama, termasuk dalam bidang

peralihan tenaga, pengangkutan, perlindungan alam sekitar, pengurusan sumber serantau dan perkongsian data air mengikut Prosedur Suruhanjaya Sungai Mekong untuk Pertukaran serta Perkongsian Data dan Maklumat (PDIES), dengan menyelaraskan pertumbuhan sub-serantau dengan pembangunan komprehensif ASEAN serta untuk menggalakkan pelengkap dan sinergi di antara ASEAN, MUSP serta mekanisme kerjasama Mekong sedia ada yang lain.

Bersatu tangani perubahan iklim

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Jumaat, 13 Mei. - Para pemimpin ASEAN dan Amerika Syarikat (AS) dalam Kenyataan Visi Bersama menyatakan komited untuk terus meneroka kerjasama dalam bidang manfaat bersama, seperti pembuatan pintar, aplikasi 'blockchain', kemudahan perdagangan, kesalinghubungan digital, pendigitalan dan e-dagang PMKS, e-services, perkhidmatan kewangan digital serta kesalinghubungan pembayaran serantau, teknologi baharu muncul dan baharu, selaras dengan perjanjian serta rangka kerja ASEAN yang berkaitan, dan meningkatkan bantuan teknikal untuk Negara-negara Anggota ASEAN untuk menggalakkan inovasi serta pembinaan kapasiti pada kemahiran digital.

Kenyataan Visi Bersama juga

menyatakan sokongan terhadap pembangunan infrastruktur digital ASEAN untuk menggalakkan pembangunan ekosistem dan rangkaian 5G yang aman, selamat, terbuka, boleh dikendalikan, boleh dipercayai, inklusif dan berdaya tahan serta rangkaian 5G mengenai ekonomi digital, pembangunan bandar pintar, mampan dan teknologi baharu muncul, termasuk melalui Perkongsian Bandar Pintar AS - ASEAN (USASCP).

Dalam pada itu juga, para pemimpin ASEAN dan AS komited untuk meningkatkan kerjasama dalam bioteknologi, pertanian pintar, kedua-duanya, pertanian ketepatan dan pertanian pintar iklim (CSA), sains makanan, meteorologi, mikroelektronik, sains marin, tenaga dan angkasa.

Kenyataan Visi Bersama para

pemimpin ASEAN dan AS juga berikrar dalam menangani perubahan iklim dengan terus komited untuk bekerjasama, untuk memajukan sumbangan yang ditentukan secara nasional (NDC) serta mengambil maklum peranan utama yang dimainkan oleh para pemain sub negara, dalam memajukan tindakan iklim dan berhasrat untuk bekerjasama dalam peralihan tenaga bersih, termasuk melalui pembiayaan dan teknologi. Seterusnya menyedari kepentingan mengambil tindakan tegas untuk mengurangkan pelepasan metana secara global, termasuk melalui usaha yang sedang dijalankan seperti Global Methane Pledge.

Para pemimpin ASEAN dan AS juga komited untuk mempergiatkan perkongsian untuk meningkatkan kapasiti ASEAN

untuk meningkatkan daya tahan bencana serta menyesuaikan diri dengan kesan perubahan iklim, seperti peningkatan paras laut, banjir yang lebih kerap, kemarau dan kejadian cuaca ekstrem lain, peningkatan risiko air-tenaga-makanan tidak selamat serta ribut yang semakin merosakkan.

Dalam Kenyataan Visi Bersama juga berazam untuk meningkatkan peralihan tenaga dan daya tahan secara inklusif serta adil melalui pemudahan pembangunan tenaga bersih dan boleh diperbaharui, penggalakan kerjasama awam-swasta untuk menangani keperluan pembiayaan peralihan, termasuk melalui pembiayaan gabungan serta penggunaan teknologi maju dan teknologi tenaga rendah karbon yang muncul, dalam menyokong peningkatan akses pada

perkhidmatan tenaga dan keselamatan tenaga, termasuk usaha berterusan, seperti elemen Pelan Tindakan ASEAN untuk Kerjasama Tenaga (APAEC) yang menyokong pecutan peralihan tenaga serta pengukuhan daya tahan tenaga di ASEAN, khususnya Grid Kuasa ASEAN.

Para pemimpin ASEAN dan AS juga berazam untuk bekerjasama, bagi memulihara biodiversiti ASEAN yang kaya dan modal semula jadinya, termasuk melalui mencegah, menghentikan serta membalikkan penebangan hutan dan kemusnahan ekosistem, serta pemulihan ekosistem kritikal termasuk hutan serta tanah lembap, ekosistem pantai dan marin serta kerjasama berterusan dengan ASEAN Centre for Biodiversity (ACB).

Ulangi komitmen terhadap keamanan, kestabilan rantau

WASHINGTON D.C., AMERIKA SYARIKAT, Jumaat, 13 Mei. - Kenyataan Visi Bersama menyatakan sokongan terhadap usaha ASEAN untuk memelihara rantau Asia Tenggara sebagai Zon Bebas Senjata Nuklear dan bebas daripada semua senjata pemusnah besar-besaran lain, seperti yang termaktub dalam Perjanjian mengenai Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (Perjanjian SEANWFZ) dan Piagam ASEAN untuk mengukuhkan rejim tanpa proliferasi nuklear serta untuk pelucutan senjata nuklear, seperti yang ditetapkan dalam Perkara VI Perjanjian mengenai Non-Proliferasi Senjata Nuklear (NPT) dan penggunaan tenaga nuklear secara aman, seperti yang dinyatakan dalam NPT Perkara IV.

Para pemimpin ASEAN dan Amerika Syarikat (AS) tetap komited untuk protokol tambahan IAEA sejagat serta menyokong pelaksanaan penuh Konvensyen mengenai Larangan Pembangunan, Pengeluaran, Penyimpanan dan Penggunaan Senjata Kimia dan Mengenai Pemusnahannya (CWC) serta Konvensyen mengenai Larangan Pembangunan, Pengeluaran, dan Penyimpanan Senjata Bakteriologi (Biologi) dan Toksin dan semasa Pemusnahannya (BTWC).

Dalam Kenyataan Visi Bersama

juga mengesahkan komitmen bersama terhadap matlamat penghapusan nuklear sepenuhnya dan penubuhan keamanan kekal di Semenanjung Korea serta terus menyeru DPRK untuk mematuhi sepenuhnya resolusi Majlis Keselamatan PBB yang berkaitan, dengan mengambil kira seruan masyarakat antarabangsa untuk diplomasi dan demi kepentingan mengekalkan keamanan serta keselamatan, di rantau ini.

Para pemimpin ASEAN dan AS menyatakan, keprihatinan terhadap krisis di Myanmar, seterusnya menekankan komitmen Myanmar terhadap Konsensus Lima Perkara ASEAN semasa Mesyuarat Pemimpin ASEAN, pada 24 April 2021 serta menggesa pelaksanaan Konsensus Lima Perkara yang tepat pada masanya dan lengkap.

Kenyataan Visi Bersama para Pemimpin ASEAN dan A.S. juga terus menyokong usaha ASEAN untuk memudahkan penyelesaian damai demi kepentingan rakyat Myanmar, termasuk melalui kerja Duta Khas Pengerusi ASEAN mengenai Myanmar, dalam membina keyakinan dan kepercayaan dengan akses penuh kepada semua pihak yang berkenaan serta penyampaian bantuan kemanusiaan yang berkesan kepada rakyat

Myanmar, termasuk mereka yang paling memerlukan, tanpa diskriminasi.

Seterusnya, mengulangi komitmen terhadap keamanan dan kestabilan di rantau ini serta terus menyeru agar keganasan di Myanmar dihentikan serta-merta dan pembebasan semua tahanan politik, termasuk warga asing serta akan menggandakan usaha kolektif ke arah penyelesaian damai di Myanmar yang juga mencerminkan komitmen berterusan terhadap hak asasi manusia dan kebebasan asas, seperti yang digariskan dalam Piagam ASEAN.

Para pemimpin ASEAN dan AS mengalu-alukan penyelarasan rapat di antara Duta Khas Pengerusi ASEAN di Myanmar dan Duta Khas Setiausaha Agung PBB di Myanmar untuk memastikan sinergi dalam usaha penting.

Berkenaan dengan Ukraine, bagi semua negara, Kenyataan Visi Bersama menegaskan semula rasa hormat terhadap kedaulatan, kemerdekaan politik dan integriti rantau dan mengulangi seruan untuk mematuhi Piagam PBB serta undang-undang antarabangsa.

Kenyataan Visi Bersama juga menggariskan kepentingan pemberhentian segera permusuhan dan mewujudkan persekitaran yang membolehkan

penyelesaian secara aman, seterusnya menyokong usaha Setiausaha Agung PBB dalam mencari penyelesaian damai juga menyeru untuk memudahkan akses cepat, selamat dan tanpa halangan kepada bantuan kemanusiaan bagi mereka yang memerlukan di Ukraine serta untuk perlindungan orang awam, kakitangan kemanusiaan dan orang yang berada dalam situasi

yang terdedah.

Di samping meneruskan pelaksanaan agenda bercita-cita tinggi ini, pada bulan dan tahun akan datang, para pemimpin ASEAN dan AS berharap untuk mencapai tahap kerjasama dan perkongsian baharu dan menugaskan menteri-menteri kami untuk menyelaraskan pelaksanaan Kenyataan Visi Bersama ini.

Apa yang perlu saya hadapkan di dalam gambar ujian ART untuk dimuat naik dalam aplikasi Bruhealth?



Ujian ART

Sila catit ujian ini adalah bagi hari ke berapa (contoh Hari-1 atau Hari-5)



Bukti menunjukkan tarikh pada hari berkenaan

74.4 PERATUS KANAK-KANAK TERIMA DOS PERTAMA VAKSIN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku wakil Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Ahad, 15 Mei. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku wakil Menteri Kesihatan memaklumkan, sebanyak 824 dos pertama vaksin diberikan kepada

kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun semalam, yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 31,933 dos, iaitu 74.4 peratus. Manakala, sebanyak 1,113 dos

www.moh.gov.bn corp.comms@moh.gov.bn



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN



MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan dilanjutkan hingga 31 Mei 2022

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan merujuk kepada Siaran Media Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengenai pelanjutan penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan, bertarikh 30 April 2022, JPM ingin memaklumkan, bahawa pelanjutan penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan selama 16 hari lagi dari 16 hingga 31 Mei 2022.

248 kes baharu dilaporkan

Sebanyak 248 kes baharu dilaporkan pada Ahad, 15 Mei, iaitu 245 kes hasil Ujian ART dan tiga kes adalah hasil daripada 352 Ujian Makmal RT-PCR, yang dilakukan dalam masa 24 jam lalu.

Oleh itu, ujarnya, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah 144,659 kes.

Tidak ada kes dalam Kategori 4, Kategori 5

Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan tidak ada kes sedang berada di kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

kedua vaksin COVID-19 diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun, yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 9,925 dos, iaitu 23.1 peratus.

Sementara itu, ujar Yang Berhormat, semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini, yang mendapatkan tiga dos vaksin adalah pada kadar 68.4 peratus.

Menurut Yang Berhormat, sebanyak 248 kes baharu dilaporkan pada hari ini, iaitu 245 kes hasil Ujian ART dan tiga kes adalah hasil daripada 352 Ujian Makmal RT-PCR, yang dilakukan dalam masa 24 jam lalu.

Oleh itu, ujarnya, jumlah

keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah 144,659 kes.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan tidak ada kes sedang berada di kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

"Sebanyak 261 kes telah disahkan sembuh, yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada 142,788 kes dan jumlah kes aktif pula ialah sebanyak 1,651 kes, iaitu 17 kes sedang dirawat di hospital, manakala 1,634 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah," jelas Yang Berhormat lagi.

KADAR PENDUDUK YANG DIVAKSINASI DALAM
PROGRAM VAKSINASI KEBANGSAAN
SEHINGGA 14 MEI 2022

KANAK-KANAK
5 - 11 TAHUN
MENERIMA
DOS

74.4%

JUMLAH KUMULATIF
KESELURUHAN PENDUDUK
MENERIMA
DOS

68.4%

#PilihBersama

#Alhamdulillah

COVID-19 : NEGARA CATAT 275 KES BAHARU



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku wakil Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

BERAKAS, Sabtu, 14 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa sebanyak 275 kes baharu dilaporkan hari ini, iaitu 266 kes hasil Ujian Pantas Antigen (ART) dan sembilan kes adalah hasil daripada 453 Ujian Makmal RT-PCR yang dilakukan dalam masa 24 jam lalu.

Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah 144,411 kes.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku wakil Menteri Kesihatan menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, tidak ada kes yang

dikategorikan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU); dan di Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

"Sebanyak 209 kes telah disahkan sembuh yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada 142,527 kes.

"Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak 1,664 kes, iaitu 20 kes sedang dirawat di hospital, manakala 1,644 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat menerangkan, bahawa kelmarin,



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Penangguhan aktiviti rentas sempadan dilanjutkan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan merujuk kepada Siaran Media Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengenai pelanjutan penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan, bertarikh 30 April 2022, JPM ingin memaklumkan, bahawa pelanjutan penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan selama 16 hari lagi dari 16 hingga 31 Mei 2022.

Menurut Siaran Media JPM, pelanjutan penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan ini adalah bagi memasukkan warganegara asing melalui pos-pos kawalan darat dan laut, termasuk perjalanan transit melintasi Negara Brunei Darussalam (NBD), kecuali bagi kemasukan atau perjalanan transit yang diberikan kebenaran oleh Kerajaan NBD.

Selain itu, kemasukan dan perjalanan transit melalui NBD hanya boleh dipertimbangkan bagi kenderaan-kenderaan yang mempunyai Permit Lintas Batas dan Penyata Kebenaran Transit yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD, dengan jaminan atau sokongan daripada pihak berkuasa negara yang berkenaan, dengan dikenakan syarat dan prosedur kemasukan yang sedia ada, bagi tujuan seperti atas urusan rasmi kerajaan; persekolahan; perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera); dan Vaccinated Transport Operators yang berdaftar di luar negara dengan Permit Lintas Batas yang dikeluarkan oleh Kerajaan NBD bagi penghantaran bekalan import yang penting.

Pelanjutan penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan ini juga adalah bagi keluar dan masuk negeri secara ulang alik (*commuters*) melalui pos-pos kawalan darat mahupun laut bagi tujuan pekerjaan.

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk pada penelitian Jawatankuasa Pandu COVID-19 dari semasa ke semasa.

Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah melayari Laman Sesawang JPM, di www.pmo.gov.bn/travelportal atau menghubungi Travel Hotline menerusi Talian 120 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel ke travelapplication@jpm.gov.bn.

كمترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SOALAN-SOALAN LAZIM PENGUNAAN OKSIMETER NADI



<https://bit.ly/3vmv5Eg>



SAMBUTAN SEBAGAI WADAH PERPADUAN MASYARAKAT BERBAGAI LAPISAN

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022 supaya akan dapat membuat penambahbaikan berpandukan pengalaman pada tahun lalu serta akan dapat melaksanakan acara-acara yang dirancang dengan komitmen, semangat kerjasama erat dan padu. Apatah lagi, dalam kita menghadapi cabaran waktu yang singkat serta situasi yang sukar diramal dalam Fasa Awal Endemik COVID-19.

Dalam membuat persediaan bagi mengatur rancangan sambutan tersebut, adalah mustahak supaya kita memberikan perhatian serius pada aspek Kesihatan, Keselamatan, Keamanan dan Persekitaran (Health, Safety, Security and Environment - HSSE) bagi memastikan keselamatan peserta yang mengambil bahagian dan orang ramai dalam keadaan selamat.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022 menekankan demikian semasa mempengerusikan Mesyuarat

Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022, yang diadakan di Bilik Mesyuarat West Wing, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Jelas Yang Berhormat, kita akan meneliti rancangan-rancangan yang dicadangkan bagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-76, dalam mesyuarat tersebut.

"Dalam meneliti cadangan acara-acara sambutan perayaan ini, kita memahami bahawa Negara Brunei Darussalam masih lagi di Fasa Awal Endemik yang akan berakhir pada 31 Mei 2022. Kita bersyukur status COVID-19 pada masa ini adalah terkawal dengan berkurangnya kes jangkitan yang kita percaya adalah atas kurnia Allah Subhanahu Wata'ala dan hasil daripada sokongan padu dan kerjasama erat seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dalam mengamalkan Standard Operating Procedures (SOP)," ujar Yang Berhormat.

Sehubungan itu, pihak Kementerian Kesihatan, kata Yang Berhormat, akan memberikan taklimat mengenai kedudukan COVID-19 dan jangkaan situasi COVID-19 pada pertengahan Julai 2022 untuk memberikan jawatankuasa ini panduan, dalam

merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Pada tahun 2021 dengan status COVID-19, kita telah dapat melaksanakan sebahagian dari acara-acara utama sambutan perayaan, termasuklah Majlis-majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat, di keempat-empat daerah yang dilaksanakan dalam sekala sederhana dan format yang sedikit berbeza dari sebelumnya," tambah Yang Berhormat lagi.

Acara-acara ini, menurut Yang Berhormat, dapat dilaksanakan walaupun menghadapi beberapa cabaran seperti masa yang singkat untuk latihan dan membuat persiapan-persiapan lainnya.

Pada tahun ini kita juga akan menghadapi cabaran-cabaran yang sama. Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menegaskan, adalah mustahak untuk Jawatankuasa - jawatankuasa Kerja yang berkenaan untuk berusaha mengatasi perkara-perkara tersebut menerusi perundingan dan permuafakatan bersama agensi-agensi yang berkenaan.

Yang Berhormat menambah sokongan padu serta semangat kerja berpasukan seperti yang ditunjukkan pada masa lalu oleh semua pihak yang terlibat, perlulah dikekalkan bagi memastikan acara-acara Sambutan Perayaan pada tahun ini juga akan dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna seperti tahun-tahun sebelumnya.

Malahan, kejayaan dan

penglibatan semua pihak dalam pengendalian acara-acara sambutan perayaan, juga jelas Yang Berhormat, adalah juga membuktikan komitmen, tanda cinta dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku raja dan pemimpin tertinggi negara yang mengasahi, memeduli dan prihatin terhadap kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini.

Sambutan perayaan berkenaan, terang Yang Berhormat, juga merupakan salah satu acara sambutan yang sangat penting dan bermakna bagi seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara ini dan turut mendapat perhatian dari negara-negara luar. Acara-acara sambutan perayaan, khususnya Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat merupakan peluang yang sentiasa dinanti-nantikan oleh semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini untuk bersua muka dengan raja yang dikasihi.

Bukan itu sahaja, ujar Yang Berhormat, ia sebagai wadah perpaduan masyarakat berbagai lapisan di negara ini, Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan juga merupakan satu manifestasi rasa kesyukuran atas nikmat keamanan dan kemakmuran negara ini, di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Apa yang lebih membanggakan ialah penglibatan golongan generasi muda, yang terdiri daripada para belia dan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022 semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022.

penuntut-penuntut sekolah yang turut berpeluang untuk membuat persembahan bakat masing-masing. Penglibatan golongan generasi muda ini adalah juga merupakan lambang pengukuhan jati diri dan semangat kebangsaan yang menjadi teras kemajuan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam pada masa ini dan akan datang," tambah Yang Berhormat lagi.

Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022 mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022, yang berlangsung di Bilik Mesyuarat West Wing, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, di sini.

Turut berangkat pada mesyuarat tersebut ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja

Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Mesyuarat itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selepas itu, diteruskan dengan Taklimat mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, disampaikan oleh Pegawai Perubatan Gred II, Jabatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Muhammad Norizni bin Haji Mosli.

>> Muka 14



ANTARA yang menghadiri Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022, yang berlangsung di Bilik Mesyuarat West Wing, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan.

MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA KEBANGSAAN SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 13

Antara agenda yang dibincangkan di dalam mesyuarat berkenaan, termasuklah laporan persediaan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022, iaitu acara-acara utama seperti Upacara Pengibaran dan Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam, Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran, Istiadat Perbarisan Kehormatan, Majlis Ramah Mesra

Bersama Rakyat dan Penduduk di seluruh negara, Majlis Khatam Al-Quran 76 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi seluruh negara, Regata serta Majlis Ilmu.

Mesyuarat juga turut membincangkan mengenai penerbitan dan percetakan Buku Dirgahayu; Perhiasan Bandar,

lampu-lampu cucul, pemasangan Giant Billboard, Kain Rentang dan Vertical Banner; dan acara-acara sampingan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022.

Juga hadir, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Setiausaha-

setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pegawai Daerah; Pemangku Pegawai-pegawai Daerah; dan pegawai-pegawai kanan kerajaan, yang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022 pada sesi bergambar ramai dan mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022, yang berlangsung di Bilik Mesyuarat West Wing, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan.

Bersama mengukuhkan sistem kesihatan secara inovatif

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BALI, INDONESIA, Ahad, 15 Mei. - Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Kali Ke-15 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan (15th ASEAN Health Ministers Meeting and Related Meetings) bersidang di Bali, Indonesia selama dua hari, bermula kelmarin.

Mewakili Negara Brunei Darussalam pada mesyuarat tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Kali Ke-15 diadakan dan diadului dengan Sidang Retreat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN bagi membincangkan mengenai usaha-usaha ASEAN dalam mengembangkan Pengiktirafan bersama Sijil-sijil Kesihatan bagi COVID-19 (Mutual Recognition Agreement on COVID-19 Health Certificates) dan penubuhan Pusat ASEAN bagi Kecemasan Kesihatan Awam dan Kemunculan Penyakit-Perakit (ASEAN Centre for Public Health Emergencies and Emerging Diseases).

Mesyuarat Kali Ke-15 tersebut bertujuan untuk memberikan landasan penting bagi perbincangan strategik mengenai hala tuju dan bidang-bidang keutamaan kesihatan yang perlu diberi perhatian di rantau ASEAN.

Selain itu, ia juga dihasrat untuk mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang kesihatan di antara Negara-negara Ahli ASEAN dan kerjasama bersama rakan dialog dan pembangunan (*dialogue and development partners*) yang relevan.

Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Kali Ke-15 ini menumpukan topik perbincangan mengenai Membangun Sistem Kesihatan Serantau yang Berdaya Tahan serta Memecut Pemulihan dari COVID-19 (Building Regional Health System Resilience and Accelerating COVID-19 Recovery).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam ucapannya mengetengahkan mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sistem kesihatan semasa pasca pandemik COVID-19 dan menyarankan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha, bukan sahaja dalam memulihkan aspek kesihatan, malah untuk mengembangkan lagi cara-cara yang inovatif dalam mengukuhkan sistem kesihatan yang berdaya tahan untuk persediaan kecemasan kesihatan awam di masa hadapan.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyeru supaya kerjasama ASEAN dalam pembangunan kesihatan untuk diteruskan melalui pertukaran pandangan serta maklumat di dalam mempelajari kejayaan-kejayaan serta cabaran-cabaran yang ditempuhi di negara masing-masing supaya negara-negara yang berkenaan akan dapat mempertimbangkan dan melaksanakan strategi yang bersesuaian, di samping memberi kepentingan pada apa jua keutamaan kesihatan, di negara masing-masing.

Menteri-menteri Kesihatan ASEAN juga bersepakat untuk meluluskan Kenyataan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan mewakili Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Kali Ke-15 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan (15th ASEAN Health Ministers Meeting and Related Meetings), yang bersidang di Bali, Indonesia selama dua hari.

Bersama (Joint Statement) yang mengetengahkan persetujuan - persetujuan bagi perkara - perkara yang berkepentingan, antaranya seperti berikut mengukuhkan pencegahan dan persediaan dalam kecemasan kesihatan awam; mengukuhkan pengesanan kecemasan kesihatan; mempertingkatkan strategi mitigasi dalam menangani kecemasan kesihatan awam pada

masa ini dan masa yang akan datang; mengukuhkan akses pada vaksin, terapeutik, dan diagnostik, termasuk bekalan perubatan yang berkepentingan untuk tindakan dan persediaan terhadap pandemik; mengukuhkan kapasiti dan kemampuan di peringkat kebangsaan serta serantau melalui penubuhan Pusat ASEAN bagi Kecemasan Kesihatan Awam dan Kemunculan Penyakit-Perakit

(ASEAN Centre for Public Health Emergencies and Emerging Diseases); dan menguatkan lagi kerjasama dalam pelbagai sektor melalui pelaksanaan Agenda Perkembangan Kesihatan ASEAN Pasca 2015 bagi tahun 2021- 2025 (ASEAN Post-2015 Health Development Agenda 2021-2025).

>> Muka 15

TAZKIRAH IMARAHKAN MALAM MUNAJAT



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Tenaga antara yang menyertai Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama, yang diadakan pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya bagi minggu ke-35. Turut menyertai Malam Munajat kali ini adalah penyertaan dari industri sektor hiliran tenaga.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Program Malam Munajat anjuran KHEU yang diadakan pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya bagi minggu ke-35.

Malam Munajat anjuran KHEU kali ini melihat penyertaan warga kerja dan keluarga Kementerian Tenaga, Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam, Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan (SHENA) dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Turut menyertai Malam Munajat kali ini adalah penyertaan dari industri sektor hiliran tenaga, iaitu wakil Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd., Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd., Brunei LNG Sdn. Bhd., Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd., Brunei Gas Carrier Sdn. Bhd., Brunei Methanol Company, Hengyi Industries Sdn. Bhd., Petronas Carigali Brunei Ltd., Shell EP Brunei dan TOTAL Energies Brunei.

Di samping itu, turut sama mengikuti Malam Munajat ke-35 ini secara maya, peserta Kelas

Bimbingan Muallaf Kampung Batang Mitus dan ahli jemaah dari 91 buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Bersama menyertai Malam Munajat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien.

Malam Munajat minggu ini dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato

Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw secara maya dari Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.

Acara diisi dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, dipimpin oleh Pengarah Unit Perundangan Islam, KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh berserta pegawai dan kakitangan Unit Perundangan Islam dan Ahli Jemaah Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia Dari Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia.

Seterusnya bacaan Doa Munajat bagi memohon keampunan daripada Allah Subhanahu

Wata'ala agar terhindar daripada bala bencana serta penyakit berbahaya, dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metusin.

Acara juga diserikan dengan tazkirah, bertajuk 'Syawal Penuh Takwa', disampaikan oleh Penceramah Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei dari Masjid Ash-Shaliheen, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Sesuai tazkirah, bacaan Selawat Ibrahimiyah beramai-ramai, dipimpin oleh Kumpulan Belia Syababur Roja, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Md. Shahir bin Haji Shamsuddin dari Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Keriam, Awang Mohammad Fauzi bin Haji Anuar dari Masjid Kampung Keriam, Tutong.

Malam Munajat mengajak orang ramai untuk bersama-sama memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan bermunajat, beristighfar, membaca Surah Yaa Siin, berzikir dan merafakkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar rakyat serta Negara Brunei Darussalam terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya, khususnya wabak COVID-19.

Orang ramai boleh menyertai Malam Munajat dari mana jua berada pada setiap Sabtu, malam minggu dengan melayari pautan, <http://tiny.cc/munajatkheu> atau mengikuti secara langsung melalui Instagram Pusat Da'wah Islamiah, @pdi_kheu.

Mangsa kebakaran terima bantuan kerajaan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyerahan bantuan kewangan kerajaan kepada seorang ketua keluarga yang terlibat dalam kebakaran rumah.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Penyerahan bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan

Masyarakat (JAPEM) kepada seorang ketua keluarga yang terlibat dalam kebakaran rumah diadakan bertempat di Dewan Citra Budaya, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di sini.

Hadir menyampaikan bantuan kewangan tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Rumah yang dimiliki oleh Dayang Masnah binti Haji Jumat di Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri mengalami kebakaran dan meranapkan bahagian dapur rumah serta merosakkan bahagian lain dalam kejadian yang berlaku, pada 10 Mei 2022, sekitar jam 4.40 petang.

Semasa kejadian, penghuni tidak berada di rumah dan tiada sebarang kecederaan berlaku. Mangsa-mangsa bencana diberikan bantuan kewangan untuk membantu meringankan kesusahan yang dialami bagi meneruskan kehidupan seharian.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

Bersama mengukuhkan sistem kesihatan secara inovatif

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 14

Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Kali Ke-15 diikuti dengan Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN-Republik Korea Kali Pertama (1st ASEAN-Republik Korea Health Ministers Meeting); Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Plus Three Kali Ke-9 (9th ASEAN Plus Three Health Ministers Meeting); Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN dan Republik Rakyat China Kali Ke-8 (8th ASEAN-China Health Ministers Meeting); dan Mesyuarat Khas Menteri-menteri Kesihatan ASEAN bersama Amerika Syarikat, pada 15 Mei 2022.

Di setiap mesyuarat tersebut, Menteri-menteri Kesihatan juga bersetuju untuk mengeluarkan Kenyataan Bersama (Joint Statement) yang menghuraikan persetujuan-persetujuan, berdasarkan bidang kerjasama (*areas of cooperation*) masing-masing.

Semasa di Bali, Indonesia, Yang Berhormat juga mengadakan perbincangan dua hala secara berasingan bersama Menteri Kesihatan, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Budi G. Sadikin dan Menteri Kesihatan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Ong Ye Kung, khususnya bagi membincangkan serta bertukar pandangan mengenai perkembangan sektor kesihatan di negara masing-masing dan meninjau bagi pelaksanaan kerjasama, dalam bidang kesihatan di antara kedua buah negara.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة در قد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ أَعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرَ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ أَعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضِ
مِنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَاَلْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kamil! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ (3)
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

TINJAU PELAKSANAAN AKTIVITI KEMBALI KE SEKOLAH



YANG Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan berserta rombongan mengadakan Lawatan Kerja ke beberapa buah institusi pendidikan secara berasingan (atas, kanan, bawah dan bawah sekali).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Sempena sesi persekolahan penggal kedua secara bersemuka, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh berserta rombongan mengadakan Lawatan Kerja ke beberapa buah institusi pendidikan secara berasingan, di sini.

Antara tujuan lawatan adalah untuk meninjau dan menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah

iaitu Program Siuknya Ke Sekolah, Prosedur Operasi Standard (SOP) serta kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk pengawalan COVID-19 seperti ruang Ujian Pantas Antigen (ART) dan Bilik Pengasingan Diri.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, di sini, menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengadakan lawatan ke tiga buah sekolah rendah di Daerah Belait, iaitu Sekolah Rendah Sungai Teraban, Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin dan Sekolah Rendah Kuala Belait.

Ketibaan Yang Berhormat



Menteri Pendidikan dan rombongan ke Sekolah Rendah Teraban dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah, Dayang Hajah Sarina binti Haji Yahya.

Manakala di Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah, Awang Khairul bin Mashud dan di Sekolah Rendah Kuala Belait dialu-alukan oleh Dayang Noorirmawati binti Noorashid, iaitu Guru Besar sekolah tersebut.

Semasa lawatan itu, Yang Berhormat meninjau prasarana dan kemudahan sekolah seperti bilik-bilik darjah, perpustakaan dan makmal komputer.

Yang Berhormat juga berpeluang berinteraksi bersama para tenaga pengajar, murid, ibu bapa dan penjaga serta berkesempatan untuk memberikan nasihat dan kata-kata motivasi.

Dalam masa yang sama, Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan mengadakan lawatan ke tiga buah sekolah rendah di Daerah Tutong, iaitu Sekolah

Rendah Bakiau, Sekolah Rendah Panchong dan Sekolah Rendah Rambai.

Ketibaan Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan dan rombongan ke Sekolah Rendah Bakiau dialu-alukan oleh Dayang Mariana binti Abdullah Maduan, iaitu Guru Besar sekolah tersebut.

Manakala di Sekolah Rendah Panchong, rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah, Awang Haji Mazleadifirdaus bin Haji Ramlee dan di Sekolah Rendah Rambai dialu-alukan oleh Dayang Hajah Hasnita binti Haji Musa, iaitu Guru Besar sekolah tersebut.

Lawatan Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan dimulakan dengan menyaksikan pelaksanaan ART yang dibimbing oleh tenaga pengajar.

Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan turut berpeluang menyaksikan beberapa aktiviti, di bawah Program Siuknya Ke Sekolah yang dilaksanakan oleh pihak sekolah.

Semasa lawatan juga, Yang

Mulia Timbalan Menteri Pendidikan beramah mesra dengan murid-murid sambil memberikan kata-kata semangat kepada mereka supaya belajar dengan bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan.

Sesi persekolahan secara bersemuka bagi semua peringkat, termasuk pelajar-pelajar berumur 5 hingga 11 tahun tanpa mengira status vaksinasi mereka yang mengikuti pembelajaran di peringkat rendah (kerajaan dan swasta), di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, sekolah-sekolah agama (Darjah Pra hingga Darjah 6) dan sekolah-sekolah Arab di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta pusat-pusat khas, di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah bermula hari ini, Sabtu, 14 Mei 2022.

Ini adalah bertepatan dengan permulaan penggal kedua persekolahan bagi sekolah-sekolah, di bawah Kementerian Pendidikan dan KHEU.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Berwaspada Dengan Penipuan Skim Pelaburan Palsu'. Tarikh Tutup : 18 Mei 2022
2. 'Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 25 Mei 2022
3. 'Pendidikan, Wadah Melahirkan Generasi Bijak Berfikir'. Tarikh Tutup : 1 Jun 2022

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENGAJARAN, PEMBELAJARAN SECARA BERSEMUKA BERMULA



mengikuti pembelajaran Ujama secara bersemuka.

Sesi tersebut adalah bagi semua peringkat termasuk pelajar-pelajar / murid-murid berumur 7 hingga 12 tahun tanpa mengira status vaksinasi mereka yang mengikuti pembelajaran di peringkat rendah dari Tahun 5 hingga Pra U2 bagi sekolah-sekolah Arab dan dari Darjah Pra hingga Darjah VI bagi sekolah-sekolah uama.

Ini adalah bertepatan dan permulaan penggal kedua persekolahan bagi sekolah-sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ujama.

Turut meninjau aktiviti pembukaan sekolah, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ujama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Hassanalk Bolkiah, Kampung Rimba.

Jabatan Pengajian Islam menyediakan Pendekatan Pengubahsuaian Keseluruhan Sekolah (Whole School Modification Approach) dan garis panduan serta langkah-langkah yang komprehensif bagi



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ujama ketika meninjau pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka bagi pelajar-pelajar / murid-murid di sekolah-sekolah Arab dan uama seluruh negara (atas), sementara gambar kiri, Jabatan Pengajian Islam menyediakan Pendekatan Pengubahsuaian Keseluruhan Sekolah (Whole School Modification Approach) dan garis panduan serta langkah-langkah yang komprehensif bagi sekolah-sekolah melaksanakan pembukaan semula sesi persekolahan.

sekolah-sekolah melaksanakan pembukaan semula sesi persekolahan.

Ujian Pantas Antigen (ART) akan dilaksanakan di sekolah, pemeriksaan suhu badan semasa kehadiran para pelajar, menyediakan Bilik Pengasingan dan Bilik Pendekatan

Sick Bay.

Seterusnya, memantau pelajar-pelajar / murid-murid agar sentiasa memakai sungkup muka, mengamalkan penjarakan fizikal / sosial sepanjang keberadaan mereka di sekolah dan pelaksanaan program kembali semula ke sekolah.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim dan Ihsan Jabatan Pengajian Islam

TUTONG, Sabtu, 14 Mei. - Pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka bagi pelajar-pelajar / murid-murid di sekolah-sekolah Arab dan uama seluruh negara bermula hari ini. Seramai 42,841 pelajar, iaitu 5,656 pelajar dari sekolah Arab dan 37,185 murid sekolah uama mula

Pengawalan SOP terus dititikberatkan di sekolah



BEBERAPA langkah yang digarispandukan antaranya menjalankan Ujian Pantas Antigen (ART) yang dilaksanakan di sekolah serta pemeriksaan suhu badan semasa kehadiran para pelajar dan antara perkara yang ditekankan ialah sentiasa mengingatkan untuk menjaga kebersihan dan mengamalkan etika bersin / batuk yang betul dan mengamalkan penjarakan sosial (kiri, kanan dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Jabatan Pengajian Islam menyediakan Pendekatan Pengubahsuaian Keseluruhan Sekolah (Whole School Modification Approach) dan garis panduan serta langkah-langkah yang



GURU Besar Sekolah Ujama Pelambayan, Dayang Umi Zuraifah binti Haji Piut semasa ditemu bual.

komprehensif bagi sekolah-sekolah melaksanakan pembukaan semula sesi persekolahan.

Sekolah Ujama Pelambayan antara sekolah yang juga mula beroperasi hari ini dengan menitikberatkan beberapa garis panduan yang telah ditetapkan demi mengekang penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Beberapa langkah yang digarispandukan antaranya menjalankan Ujian Pantas Antigen (ART) yang dilaksanakan di sekolah serta pemeriksaan suhu badan semasa kehadiran para pelajar.

Selain itu, penyediaan Bilik Pengasingan, Bilik Pendekatan Sick Bay di samping memantau para pelajar, termasuk warga sekolah agar sentiasa memakai sungkup muka, mengamalkan penjarakan fizikal / sosial sepanjang keberadaan mereka di sekolah dan pelaksanaan program kembali

semula ke sekolah.

Guru Besar sekolah itu, Dayang Umi Zuraifah binti Haji Piut menyarankan agar para pengajar seramai 18 orang serta 181 murid sekolah berkenaan akan dapat mematuhi semua garis panduan dan SOP yang ditetapkan demi keselamatan bersama.

Antara perkara yang ditekankan ialah sentiasa mengingatkan untuk menjaga kebersihan dan mengamalkan etika bersin / batuk yang betul dan mengamalkan penjarakan sosial.

"Pihak sekolah juga menyediakan guru-guru pengawas ketika murid mengerjakan Sembahyang Fardu Zuhur dan Asar Berjemaah, ketika berada di kantin dan semasa murid-murid pulang," jelasnya lagi.

Perkhidmatan kantin, katanya, buka seperti biasa akan tetapi murid adalah disarankan untuk membawa bekal sendiri dari rumah masing-masing.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Selain itu, beliau juga untuk selalu mengingatkan menekankan kerjasama daripada anak-anak mereka mengenai SOP dan peraturan tersebut.



PERSEDIAAN RAPI DILAKSANAKAN DI SEKOLAH

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

JERUDONG, Sabtu, 14 Mei. - Sesi Persekolahan Penggal Ke-2 bagi semua sekolah rendah, sekolah menengah, Pusat Tingkatan Enam, sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) secara bersemuka, di bawah kawalan Kementerian Pendidikan juga termasuk sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekolah-sekolah swasta bermula hari ini.

Pembukaan sekolah adalah termasuk bagi para pelajar yang berumur 5 hingga 11 tahun tanpa mengira status vaksinasi mereka.

Sehubungan itu, sememangnya para guru di setiap sekolah di seluruh negara pasti akan membuat pelbagai persiapan bagi permulaan sesi sekolah dan bagi

ibu bapa pula setentunya pelbagai persiapan serta persediaan telah dilakukan, bagi memastikan anak-anak mereka yang bersekolah dalam keadaan yang baik dan teratur.

Antara sekolah yang menjadi tumpuan media pada hari ini ialah Sekolah Rendah Jerudong.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Khadijah binti Haji Gapar, antara lain menjelaskan persediaan dari segi logistik ialah persiapan bilik-bilik darjah, pusat ART, bilik isolasi, kantin, persekitaran sekolah dan laluan trafik mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dengan mengambil kira tahap kebersihan, penjarakan sosial serta SOP.

Selain itu, katanya, persediaan bagi warga sekolah, iaitu untuk memastikan guru-guru jelas dengan tugas masing-masing, terutama sekali jawatankuasa ART, jawatankuasa bilik pengasingan dan semua warga sekolah yang lain yang turut memainkan peranan, dalam sama-sama menangani wabak yang masih melanda.

"Pihak sekolah merancang pelaksanaan 'Program Siuknya Ke Sekolah' sebagai sesi orientasi kembali ke sekolah bagi para pelajar dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

"Makluman persediaan pelaksanaan SOP sekolah kepada ibu bapa, selain mengongsikan

video pelaksanaan ART lebih awal juga turut dikongsikan," jelasnya.

Sementara itu, guru di sekolah berkenaan, Dayang Siti Rahimah binti Haji Duraim menjelaskan, antara cara-cara yang dilaksanakan oleh guru-guru dalam memastikan para pelajar dapat menyesuaikan diri dalam pembelajaran secara bersemuka ialah dengan mengadakan 'Program Siuknya Ke Sekolah', yang diisikan dengan pelbagai aktiviti, seperti aktiviti mewarna dan kuiz bagi para pelajar agar mereka terbiasa semula dengan suasana sekolah norma baharu.

Bagi Awang Haji Sukaimi bin Haji Serudin, sebagai bapa kepada salah seorang pelajar sekolah berkenaan, iaitu Dayang Siti Nor Balqis Alesya binti Haji Sukaimi, pelajar Tahun 5B melahirkan rasa syukur kerana beliau membuat persiapan sebelum sekolah dibuka, seperti kasut baharu, baju dan kain baharu memandangkan baju lama sudah tidak dapat dipakai lagi.

"Tetapi pada tahun ini terdapat sedikit perubahan daripada segi persiapan

GURU Besar Sekolah Rendah Jerudong, Dayang Khadijah binti Haji Gapar dan salah seorang guru, Dayang Siti Rahimah binti Haji Duraim semasa ditemu bual (kanan dan kiri).

kerana pemakaian sungkup muka adalah dimestikan dan kita mesti patuh kepada arahan yang telah dikeluarkan," ujarnya.

Awang Muhammad Junaidi bin Abdullah juga bapa kepada pelajar Tahun 6B, Awang Abd. Aniq Suaidi bin Muhd. Junaidi menyatakan, sebagai seorang penjaga, persiapan dari segi mental bagi memastikan segala keperluan persekolahan cukup, seperti buku latihan, alat tulis dan keperluan sekolah yang mencukupi.

Katanya, mengajar anak-anak memahami cara dan mematuhi SOP yang perlu dipatuhi, seperti yang ditetapkan oleh pihak sekolah dan Kementerian Kesihatan, beliau memastikan anaknya adalah di

AWANG Muhammad Junaidi bin Abdullah dan pelajar Tahun 4A, Awang Mohamad Adrian Iman bin Abdullah semasa ditemu bual (kiri dan kanan).



dalam keadaan sihat sebelum pergi ke sekolah.

Seorang pelajar Tahun 4A, Awang Mohamad Adrian Iman bin Abdullah berasa sangat gembira dan sedikit gemetar kerana kembali bersekolah serta berjumpa bersama kawan-kawan.



AWANG Haji Sukaimi bin Haji Serudin dan anaknya semasa ditemu bual.



Pelajar teruja kembali bersekolah

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Noraisah Haji Muhammed, Ihsan Awang Osman Tassan

bapa kepada pelajar Dayang Nuraqilah Rau'ah binti Osman dan Dayang Nuraqidah Rau'ah binti Osman, Awang Osman bin Tassan dan isterinya, Dayang Norayah binti Haji Awi berkongsi pendapat yang mana adalah lebih baik anak-anak kembali bersekolah untuk bersua muka bersama guru-guru kerana penumpuan terhadap teori dan praktikal itu adalah sangat penting.

"Belajar di rumah mungkin kurang berkesan, lebih baik anak belajar secara bersemuka di sekolah," tambah mereka.

Guru Mata Pelajaran Perdagangan, Dayang Hajah Faridah Haji Duraman, berkata, dengan adanya taklimat yang disampaikan dihasrat akan menaikkan semangat mereka kembali ke sekolah untuk meneruskan pembelajaran dengan lebih terarah dan teratur mengikut prosedur Kementerian Pendidikan.

"Selain mendapat memotivasi semula pelajar-pelajar dalam masa yang menjalankan SOP yang disarankan.

"Pelajar-pelajar yang kembali bersekolah teruja menjalani sesi pembelajaran secara bersemuka meskipun perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP)," ujarnya.

Sementara itu, Pelajar SMPAPHRSB, Awang Muhammad Abdul Azim bin Abdul Hamid berkata, "Alhamdulillah, kami



DAYANG Nur Syazana Muyassarrah binti Haji Md. Edy Dzulkarnain dan Pelajar Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah (SMPAPHRSB), Lumut, Awang Muhammad Abdul Azim bin Abdul Hamid ketika ditemu bual (kiri dan kanan).

bersyukur kepada Allah kerana kami diberi peluang untuk kembali sekolah secara bersemuka dan saya juga berasa bersemangat, penuh dengan keyakinan untuk belajar bersungguh-sungguh.

Manakala bagi Dayang Nur Syazana Muyassarrah binti Haji Md. Edy Dzulkarnain pula berkata, "Selepas berapa lama mengikuti kelas secara dalam talian, saya berasa sangat gembira dan seronok

kerana sekolah di buka semula berjumpa semula dengan teman-teman dan guru-guru membuat saya jadi lebih ceria".



TIMBALAN Pengetua Pentadbiran, SMPAPHRSB, Lumut, Dayang Nazli Noor binti Haji Marmin dan Guru Mata Pelajaran Perdagangan, Dayang Hajah Faridah Haji Duraman ketika ditemu bual (kiri dan kanan).



AWANG Osman bin Tassan dan isterinya, Dayang Norayah binti Haji Awi serta anak-anak mereka, Dayang Nuraqilah Rau'ah binti Osman dan Dayang Nuraqidah Rau'ah binti Osman ketika ditemu bual.

LUMUT, Sabtu, 14 Mei. - Para pelajar kembali bersekolah pada hari ini secara bersemuka setelah bercuti penggal sekolah pertama berakhir.

Tinjauan Pelita Brunei di Daerah Belait ke Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah (SMPAPHRSB), Lumut mendapati rata-rata pelajar dilihat gembira pada hari pertama mereka kembali ke sekolah selepas hanya menjalani pengajaran dan pembelajaran di rumah.

Sehubungan itu, temu bual bersama Timbalan Pengetua Pentadbiran, SMPAPHRSB, Dayang Nazli Noor binti Haji Marmin, berkongsi persediaan dalam menempah misi buka sekolah, dengan menyediakan SOP, terutama peraturan sekolah bagi sesi persekolahan penggal kedua.

Selain membarigakan SOP kepada ibu bapa, penjaga dan

penuntut dengan memberikan taklimat pada hari pertama sekolah dibuka serta aktiviti suai kenal.

Antara pengisian taklimat sekolah adalah mengenai disiplin dan kehadiran pelajar, keselamatan serta kesihatan.

Para pelajar diminta untuk menjaga penjarakan fizikal dengan tidak terlalu rapat bersama kawan ketika berada di dalam kelas atau pada waktu rehat.

Pihak sekolah juga menyediakan aktiviti di dalam kelas yang berbentuk akademik, seperti kuiz, *fun game*, *numeracy skill* dan sebagainya.

Ibu bapa mula menghantar anak masing-masing seawal jam 6.40 pagi dan pelajar kemudian diarahkan menjalani pemeriksaan suhu badan, dengan mematuhi penjarakan fizikal 1 meter.

Pelita Brunei juga berkesempatan menemu bual ibu



**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / LB / TA / 004

**PEMBAIKAN PERALATAN
UAV DRONE TENTERA DARAT
DIRAJA BRUNEI**

Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / LB / TA / 005

**PERMOHONAN KERJA-
KERJA PENGUBAHSUAIAN
NISSAN MEDIUM BUS BG 3126
PEJABAT PERHUBUNGAN
MARKAS TENTERA DARAT
DIRAJA BRUNEI**

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Jun 2022,
jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran :
13 / APR / 2022 / KKBS / PJK / 16.14 (18)

Tajuk Tawaran :
KONTRAK PEMELIHARAAN
PENGAL (24 BULAN)
BAGI KERJA-KERJA
PEMBERSIHAN DAN
PEMELIHARAAN BANGUNAN
DI KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN
SUKAN (BANGUNAN,
LETAK KERETA, JALANRAYA
DAN KAWASAN)
DI SIMPANG 336-17,
JALAN KEBANGSAAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
Tidak lewat
Selasa
14 Jun 2022,
jam 2.00 Petang



**JABATAN ADAT ISTIADAT
NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JAIN / 5 / 1981 / XIII - 2022

Tajuk Tawaran :
Membersihkan Bangunan
Jabatan Adat Istiadat Negara
dan Bangunan-Bangunan
Di Bawah Kawalan Jabatan
Adat Istiadat Negara Selama
1 Tahun 2022 / 2023

Tarikh Tutup / Jam :
Selasa, 24 Mei 2022,
jam 9.00 Pagi



Bilangan Tawaran Iklan :
(10) KHEU.PDI 300-001 JILID 26

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Bahan Cendera
Hati (Sepasang Pakaian
Kebangsaan) Bagi Majlis
Penyerahan Sijil Tamat
Skim Bimbingan Muallaf
Tahun 1444H / 2022M Bagi
Daerah Tutong, Belait
dan Temburong

Tarikh Tutup :
Rabu, 25 Mei 2022,
jam 2.00 Petang



**PEMBERITAHUAN IKLAN
TAWARAN**

Bilangan Tawaran :
JDB / BKPD / SH / 03 / 2022

Tajuk Tawaran :
TERM CONTRACT FOR
DOMESTIC RUBBISH
COLLECTION WITHIN BELAIT
DISTRICT AREA FOR A PERIOD
OF TWENTY FOUR



**BAHAGIAN BANGUNAN
DAN PEMELIHARAAN
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 020 / 2022

Tajuk Tawaran :
TERM CONTRACT
12 MONTHS FOR
GRASS CUTTING
AND GROUND MAINTENANCE
WORKS AT TANAH
PERKUBURAN ISLAM
BANDAR ZONE 'B'
AT SELECTED AREA,
DAERAH BRUNEI
DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 021 / 2022

Tajuk Tawaran :
TERM CONTRACT
12 MONTHS FOR GRASS
CUTTING AND GROUND
MAINTENANCE WORKS
AT TANAH PERKUBURAN
ISLAM JAME 'ASR
HASSANIL BOLKIAH,
KAMPONG KIARONG,
DAERAH BRUNEI
DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
18 Mei 2022,
jam 2.00 Petang

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Dikenakan bayaran)



(24) MONTHS

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup :
Rabu, 1 Jun 2022



**SYARAT DAN PERATURAN
SEBUT HARGA**

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / PTK / 6 / 2006 PT.28

**TAWARAN PERKHIDMATAN
MEMBEKAL PLASTIC NAME
TAG DAN CABLE TIE BAGI
MAJLIS IBADAH KORBAN
SUNAT BAGI TAHUN 1443H /
2022M**

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / PTK / 6 / 2006 PT.28

**TAWARAN PERKHIDMATAN
MEMBEKAL NON-WOVEN BAGI
MAJLIS IBADAH KORBAN
SUNAT BAGI TAHUN
1443H/2022**

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 18 Mei 2022,
jam 2.00 Petang



**BAHAGIAN BANGUNAN DAN
PEMELIHARAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 024 / 2022

Tajuk Tawaran :
TERM CONTRACT FOR
BREAKDOWN, INTERM
MAINTENANCE AND REPAIR
WORKS FOR AIR
CONDITIONING EQUIPMENT
SYSTEM TO PEJABAT HAL
EHWAL UGAMA, DAERAH
TUTONG FOR A PERIOD OF
EIGHTEEN (18) MONTHS

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
25 Mei 2022,
jam 2.00 Petang

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Dikenakan bayaran)



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2)
minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca juga menggunakan Microsoft
Word dengan Font ARIAL saiz 12.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan
apa-apa keperluan iklan berkenaan,
seperti tarikh dijangka terbit,
kekerapan terbitan untuk diiklankan
dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pbinformation.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 04 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH PULAIE
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND271.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH BRUNEI MUARA
SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 05 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH DATO
MAHAWANGSA LAMBAK
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND278.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH BRUNEI MUARA
SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 06 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH TANAH
JAMBU, DAERAH BRUNEI
MUARA, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND163.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH BRUNEI MUARA
SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 07 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH MENTIRI
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND268.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH BRUNEI MUARA
SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 08 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH RIMBA 1
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND437.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH BRUNEI MUARA
SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 09 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH SULTAN
ABDUL BUBIN, SUNGAI BESAR
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND176.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH BRUNEI MUARA
SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 10 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH
BUKIT UDAL,
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BAGI TEMPOH
TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND86.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH TUTONG SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 11 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH
PENANJONG,
DAERAH TUTONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND149.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI

WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH TUTONG SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 12 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH
LUBOK PULAU,
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND45.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH TUTONG SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 13 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH PENGIRAN
KESUMA NEGARA, BUKIT
BERUANG, DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND272.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH TUTONG SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 14 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH MENENGAH
AWANG SEMAUN,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND703.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH BRUNEI MUARA
SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 15 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH MENENGAH RAJA
ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND973.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG

TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH TUTONG SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 16 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH MENENGAH
SUFRI BOLKIAH
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Harga Sewa Kantin :
BND729.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH TUTONG SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 17 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH MENENGAH
MUDA HASHIM
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

Harga Sewa Kantin :
BND1585.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH TUTONG SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 18 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH MENENGAH MUDA
HASHIM, DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
[KANTIN BAHAGIAN
BLOK 'B']

Harga Sewa Kantin :
BND657.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH TUTONG SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 19 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
SEKOLAH MENENGAH
TANJONG MAYA,
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

Harga Sewa Kantin :
BND474.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI

DAERAH TUTONG SAHAJA

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 20 / 2022 / 2023
[BPPA-MEI-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN BAGI
MAKTAB ANTHONY
ABELL, SERIA
DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

Harga Sewa Kantin :
BND537.00

Syarat Khas :
DIBUKAKAN KHAS BAGI
WARGA NEGARA DAN
PENDUDUK TETAP YANG
TINGGAL DAN BERALAMAT DI
DAERAH BELAIT SAHAJA

Bayaran Yuran / Dokumen /
Sebut Harga :
BND 5.00

[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu,
28 Mei 2022
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 11 / 2022

Tajuk Tawaran :
MEMBAIKPULIH KENDERAAN
PAJERO (BG 4299)

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Isnin,
23 Mei 2022,
2.00 Petang



سردار سروي

مغھياسی ديري دغن صفة قمعاف

جماعه يغ درحمتي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى دغن سبىر-بىر تقوى ياي دغن منيغكتكن كليمان كقدان. سسغكوهن اورغ يغ فاليع مليا دسيبي الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى ايت اياه اورغ يغ فاليع بر تقوى. مدهمدهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى ، برأوله كحيان دان كسلامتن دنيا دان جوك داخيرة.

الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى بر فرمان دالم سورة الأعراف آية ١٩٩:

تفسير:

جاديله سنورغ قمعاف دان سوروله اورغ مغرجاكن يغ معروف سرت بر فاليله درقد اورغ ٢ يغ جاهل.

جماعه يغ درحمتي الله،

صفة قمعاف اداله صفة مليا يغ ساعة دنوتوت دالم اكلام اسلام. صفة قمعاف جوك اداله صفة أوتام يغ اد قد ديري بكندا رسول الله ﷺ. سباكي أومة اسلام، كيت هندقله سنتياس منجوتوهي صفة ٢ دان أخلاق يغ اد قد ديري بكندا رسول الله ﷺ ايت.

سيدتنا عائشة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا فرته منجلىسكن مغياي أخلاق رسول الله ﷺ. درقد أبو إسحاق رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ اي بركات، أكو مندر أبو عبدالله الحنكلي رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بركات: أكو فرته برتان كقد عائشة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا مغياي أخلاق رسول الله ﷺ، مك اي فون منجواب:

لَمْ يَكُنْ فَاحِشًا وَلَا مُتَفَحِّشًا وَلَا صَخَابًا فِي الْأَسْوَاقِ وَلَا يَجْزِي بِالسَّيِّئَةِ السَّيِّئَةَ وَلَكِنْ يَغْفُو وَيُصَفِّحُ

مقصود:

رسول الله ﷺ تيدق ملاكوكن دان مغوجشكن فركارا يغ بوروق. بكندا جوك تيدق برترياق دفاسر دان تيدق اكن مبالس كجاهتن دغن كجاهتن. رسول الله ﷺ اكن ممعافكن دان برلافغ دادا. {حديث رواية إمام ترمذي}

جماعه يغ درحمتي الله،

مقصود ممعافكن ايت اياه مغمبيل سيكف برلافغ دادا دان منيغلككن فركارا ٢ يغ مباوا كقد فرموسوهن دان فرتليغكهن انتارا ساتو سام لاین. قرو دكتهوي، بهوا انتارا كسن درقد كيت ممعافكن دان برلافغ دادا ايت اياه:

فرتام: مغكالقكن سيكف انتوق تيدق مبالس فربواتن جاهت دغن يغ جاهت. كدوا: مغايلقكن فرموسوهن دان مفركوكهكن لاكي هوبوغن بابك دانتارا أغكوتا مشاركة.

كيتك: منجرمينكن سيكف رحمه.

كامقة: مباوا كتنغن كقد ديري دان مباوغ صفة حسد دغكي دان صفة دندم يغ ممبيناكن هاتي.

سسغكوهن ممعافكن ايت بوكله برأرتي ساتو تندا كلمهن اتوفون ككلاهن بهكن الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى اكن منمبه كموليان كقد اورغ يغ ميري معاف ايت. درقد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسبدا:

وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِغَفْوٍ إِلَّا عِزًّا

مقصود:

دان تيدقله الله منمبه كقد سنورغ همبا يغ قمعاف كجوالي كموليان. {حديث رواية إمام مسلم}

جماعه يغ درحمتي الله،

رسول الله ﷺ دالم حديث بكندا منجلىسكن بهوا صفة قمعاف ايت مروفاكن انتارا إيمان يغ فاليع أوتام. درقد مَعْقِلُ بْنُ يَسَارٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، رسول الله ﷺ برسبدا يغ برمقصود: إيمان يغ فاليع أوتام اداله صبر دان ممعافكن. {حديث رواية إمام بخاري}

سسغكوهن مغھياسی ديري دغن صفة قمعاف اداله أمة فتنغ دالم ممبينا دان ممباغون كروكونن هيدوف برأكام، برمشاركة دان برنكارا. ميمغ تيدق دافة دنافيكن، دالم كهيدوفن كيت سهارى-هاري، كيت تيدق اكن ترلفس درقد منرما أوجين دان دوكان، يغ تركادغ ممبيكن تيمبولن فرسان ماره، تيدق قواس هاتي دان صفة دندم دالم ديري كيت دسبيكن اوله فربواتن اورغ لاین يغ تيدق مينغكن هاتي كيت سقرت دمالوكن، دفتنه، دهينا، دظاليمي دان ساومقممان.

قرو دايفة، بهوا اكلام اسلام مرينتهكن أومتن سقاي سنتياس برصفة صبر دان كيت دأنجوركن أكر تيدق مبالس كجاهتن دغن كجاهتن، سباليقن فربواتن جاهت ايت هندقله دبالس دغن جارا يغ لبه بابك ياي دغن كبايكن دان كمعافن. فرمان الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة فَصَّلَتْ آية ٣٤:

تفسير:

دان تيدقله سام (انتارا) فربواتن يغ بابك دان فربواتن يغ جاهت. تولقله (كجاهتن يغ دلاكوكن كقد مو) دغن جارا يغ لبه بابك سهيغك اورغ يغ برموسوه دغنمو اكن منجادي ساوله-اوله صحابة قريب.

جماعه يغ درحمتي الله،

كاسمببوان اورغ يغ برصفة قمعاف ايت اد دجلىسكن ددالم القراءان دان حديث رسول الله ﷺ، انتاران اياه:

فرتام: عملن يغ تيدق مغورعكن سديكيت فون درقد هرتا اتوفون كدودوقن. درقد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسبدا:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِغَفْوٍ إِلَّا عِزًّا

مقصود:

صدقه ايت تيدق اكن مغوراعي هرتا. تيدق اد اورغ يغ ميري معاف كقد اورغ لاین، ملاينكن الله اكن منمبه كموليانن. {حديث رواية إمام مسلم}

كدوا: الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى ممعافكن دوسا اورغ يغ ممعافكن. درقد عبدالله بن عمرو رضی الله عنهما، رسول الله ﷺ برسبدا:

إِزْهَمُوا تُرْجَمُوا وَاعْفِرُوا يَغْفِرُ اللَّهُ لَكُمْ

مقصود:

بركاسيهله، مك كامو اكن درحمتي دان بريكنله كمعافن نسجاي الله اكن مغامفونكن كامو. {حديث رواية إمام بخاري}

كيتك: صفة ممعافكن دافة ملمبوتكن هاتي سسشورغ.

كامقة: مندافة كنجارن درقد الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى.

سسغكوهن دوسا مسام مانسي ايت تيدق اكن دامقونكن اوله الله سُبحَّانَهُ وَتَعَالَى كجوالي ستله كيت مموهون كمعافن درقد اورغ يغ فرته كيت ساكيتي اتوفون ظلمي. اوله يغ دمكين، موهونله كمعافن سبلوم تربليت. جاعنله كيت مالو اتوفون سوبموغ انتوق مموهون معاف دان مئاكوي سكل كسايهن اتوفون كسبلافن يغ تله كيت لاكوكن.

أخيرن، سباكي أومة اسلام، كيت هندقله سنتياس منجوتوهي صفة ٢ دان أخلاق رسول الله ﷺ. اوله ايت، جاديكنله صفة قمعاف دان برلافغ دادا ايت سباكي عملن دان سكاليكوس منرافكنن دالم كهيدوفن سهارين كيت. مدهمدهن دغن يغ دمكين، كيت اكن هيدوف دالم كادان يغ هرموني، برساتو فادو دان بركاسيه سايع. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

(لايت) اورغ ٢ يغ ممبلنحاكن (هرتان) قد ماس سنغ دان سوسه دان اورغ ٢ يغ مناهن كمارهتن سرت ممعافكن (كسايهن) اورغ. دان الله مغاسيهي اورغ-اورغ يغ بروات كبايكن. {سورة ال عمران آية ١٣٤}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَانِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

IMBASAN MINGGUAN

MAJLIS Doa Kesyukuran bagi meraikan kepulangan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menyertai penugasan selama 18 bulan sebagai Pasukan Pemantauan Antarabangsa (IMT) Ke-17, (IMT NBD Ke-17) dan Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance 3/2021 (IDB VMAT 3/2021) selama 16 bulan, di Mindanao, Republik Filipina diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garrison. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

SEORANG qari memperdengarkan bacaan pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1443 Hijrah / 2022 Masihi Peringkat Sarangan, yang berlangsung di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

KHUTBAH ketika dibacakan di mimbar Masjid Kampung Pengkalan Batu semasa Sembahyang Fardu Jumaat, pada 8 Mei lalu. - Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin.

PASUKAN Pemantau Antarabangsa Mindanao Negara Brunei Darussalam Ke-17 (PPA-M NBD Ke-17), yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Mohd. Fakaruddin Zuraiddie bin Haji Ramli dan anggota misi Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team 3/2021 (IDB VMAT 3/2021), yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Mohammad Shalleh bin Haji Ismail selamat pulang ke tanah air pada bulan April 2022 setelah berjaya menamatkan misi kerja di Mindanao, Republik Filipina. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

SEORANG penunjuk cara Pakej Program : Cita Rasa Nostalgia Raya dalam Siaran Rampai Pagi menunjukkan salah satu jenis masakan bagi mengimbau kembali nostalgia zaman raya dahulu. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.

PROGRAM Jalinan Ukhuwah Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah bersama isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Liang, Daerah Belait, dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Liang, Daerah Belait. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

PESERTA MTQBK PERINGKAT SARINGAN PERDENGARKAN BACAAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS) sejak tahun 1980-an serta berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber, seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan serta prestasi masing-masing, khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau *taranum*.

Sehubungan itu, seramai 18 lagi peserta qari dan qariah memperdengarkan bacaan masing-masing, pada hari ketiga MTQBK 1443 Hijrah / 2022 Masihi Peringkat Saringan, yang diadakan di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, di sini.

Seramai enam peserta bertanding pada sesi pagi, manakala 12 peserta lagi bertanding pada sesi petang.

Pada tahun ini, MTQBK anjuran KKBS melalui Bahagian Belia, JBS diadakan selama tiga hari, mulai 11, 12 dan 14 Mei 2022 dan disertai oleh seramai 53 peserta qari dan qariah.

Daripada jumlah tersebut, seramai 30 peserta akan dipilih untuk ke peringkat separuh akhir,

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

pada Ahad, 29 Mei 2022, seterusnya lima peserta qari dan lima peserta qariah, termasuk Johan Menunggu Qari dan Qariah 2021 akan bertanding di peringkat akhir nanti.

Peserta musabaqah berumur di antara 15 hingga 30 tahun, terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap dan tidak pernah menjadi johan pertandingan-pertandingan, seperti Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia atau

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.

Orang ramai, terutamanya para belia boleh menyaksikan MTQBK secara langsung melalui akaun rasmi Instagram, @jbs.bn dan Facebook, Jabatan Belia dan Sukan.



ANTARA peserta yang memperdengarkan bacaan mereka pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK), pada hari ketiga MTQBK 1443 Hijrah / 2022 Masihi Peringkat Saringan, yang diadakan di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia (kiri dan kanan).

Perasmian Dewan Muafakat Kampung Tanah Jambu / Salar

Berita dan Foto : Ihsan Irewan Muhammad

TANAH JAMBU, Ahad, 15 Mei. - Majlis Perasmian Dewan Muafakat Kampung Tanah Jambu / Salar berlangsung hari ini, di Ladang Komunal PITA, Kampung Tanah Jambu.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji

Daud dan Datin.

Majlis tersebut turut diselenggarakan dengan acara penyerahan sumbangan kepada anak-anak yatim di Kampung Tanah Jambu dan Salar.

Antara pengisian majlis termasuklah bacaan Asmaul Husna, Selawat Tafrijiyyah dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta tafsiran oleh Ahli-ahli Majlis

Perundingan Kampung, Ahli-ahli Koperasi Ladang Komunal PITA dan juga Persatuan PITA.

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigadier Jeneral (B) Awang Haji Mohammad bin Haji Daud merasmikan Dewan Muafakat Kampung Tanah Jambu / Salar bertempat di Ladang Komunal PITA, Kampung Tanah Jambu.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad ketika menyampaikan sumbangan derma kepada penerima (atas dan bawah).



PPNBD anjur Mesyuarat Agung

Berita dan Foto : Ihsan Syahmi Halimshah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mei. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) mengadakan Mesyuarat Agung di Dewan Serbaguna, Tingkat 5, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD, Kompleks Pengakap.

Acara diadakan secara hibrid, di mana mesyuarat turut diadakan secara fizikal dan secara maya melalui platform Zoom, dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Mesyuarat, antara lain membincangkan dan membentangkan laporan-laporan kegiatan sepanjang 2020-2021, laporan Setiausaha Agung, laporan Ketua Pesuruhjaya

Pengakap, laporan kewangan, laporan rancangan strategik 10 tahun PPNBD, laporan jawatankuasa tatatertib dan dekoratif.

Mesyuarat Agung juga membubarkan Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan (National Scout Council), seterusnya melantik ahli-ahli baharu untuk menerajui Majlis Pengakap Kebangsaan (National Scout Council) dalam tempoh tiga tahun bagi Sesi 2022 - 2025.

Undian daripada ahli-ahli semasa mesyuarat agung menyaksikan pemilihan Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas sebagai Yang Dipertua PPNBD yang baharu dan Awang Haji Metassim bin Haji Duraman

selaku Naib Yang Dipertua PPNBD.

Sementara Awang Haji Rasni @ Haji Rosli bin Awang Bakir dilantik sebagai Setiausaha Agung PPNBD (PPNBD Secretary General) yang baharu dan Pengiran Supri bin Pengiran Haji Hashim sebagai Bendahari Agung PPNBD (PPNBD Treasury General).

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan (Members of National Scout Council); Ahli-ahli dari persatuan Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong (Members of District Scout Councils); para Pesuruhjaya PPNBD (Scout Commissioners); serta para Pemimpin Pengakap (Scout Leaders).



PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) mengadakan Mesyuarat Agung di Dewan Serbaguna, Tingkat 5, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD, Kompleks Pengakap.

BANTU TAMBAH BEKALAN DARAH



KEMPEN Derma Darah anjuran Kelab Komuniti Belia Transformasi dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, yang diadakan di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) menganjurkan Kempen Derma Darah, yang diadakan di Pusat Belia, di sini.

Kempen Derma Darah dihasrat

bagi menggalakkan penyertaan daripada orang ramai serta ahli kelab untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menderma darah. Lebih 40 peserta menyertai Kempen Derma Darah tersebut.

Kempen yang juga bertujuan bagi membantu menambah bekalan darah di Hospital RIPAS

itu, bermula dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, dikendalikan oleh lapan pegawai dari Pusat Pendermaan Darah.

Setiap individu yang menderma darah hendaklah bebas daripada selesema, demam panas dan penyakit-penyakit lain pada waktu menderma darah, selain mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 45 kilogram dan berumur 17 tahun ke atas.

Sebagai prosedur tambahan, peserta yang ingin menderma darah perlu menjalani Ujian Pantas Antigen (ART) terlebih dahulu yang disediakan oleh Pusat Pendermaan Darah.

Secara tidak langsung kempen tersebut mendedahkan penderma kepada aktiviti berbentuk kebajikan serta mengajak ahli kelab serta orang ramai agar menanamkan

sifat dermawan dengan cara menderma darah bagi membantu para pesakit yang memerlukan.

Bagi mana-mana jabatan atau persatuan yang ingin mengadakan Kempen Derma Darah adalah sangat dialu-alukan dan boleh menghubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 6001 atau 6002.

PPNBD anjur Majlis Penyampaian Sijil, Lencana



PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) semasa menganjurkan Majlis Penyampaian Sijil dan Lencana Anugerah Baden Powell (Baden Powell Award), Sijil dan Lencana Keahlian Association of Top Achiever Scouts (atas) dan Sijil Penyertaan Ahli Pengakap yang mengikuti Hari Kebangsaan Ke-38 kepada Ahli-ahli Pengakap Kelana juga Ahli-ahli Pengakap Dewasa (atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BERIBI, Sabtu, 14 Mei. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menganjurkan Majlis Penyampaian Sijil dan Lencana Anugerah Baden Powell (Baden Powell Award), Sijil dan Lencana Keahlian Association of Top Achiever Scouts (ATAS) dan Sijil Penyertaan Ahli Pengakap yang mengikuti Hari Kebangsaan Ke-38 kepada Ahli-ahli Pengakap Kelana dan juga kepada Ahli-ahli Pengakap Dewasa, baru-baru ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan seterusnya ucapan alu-aluan daripada Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali.

Beliau mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada Ahli-ahli Pengakap yang menerima sijil dan anugerah pada majlis berkenaan.

Komitmen ahli-ahli sangat penting dalam menggerakkan dan menggiatkan lagi program-program PPNBD kerana pada tahun 2023, PPNBD akan mencapai usia 90 tahun pergerakan pengakap di negara ini.

Seterusnya, penyampaian sijil dan lencana oleh Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Badar kepada lapan orang Ahli Pengakap Kelana dan diselajarkan dengan penyampaian sijil penyertaan

kepada 46 Ahli Pengakap Kelana dan juga kepada Ahli-ahli Pengakap Dewasa yang mengikuti Sambutan Hari Kebangsaan Ke-38 pada bulan Februari lalu.

Majlis juga diteruskan dengan Majlis Penyampaian Sijil dan Lencana Keahlian ATAS yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Sumber Dewasa, ATAS #256 Haji Awang Hassan bin Haji Awang Abd. Hamid kepada lima Ahli Pengakap Dewasa (Adults in Scouting) dan empat Ahli Pengakap Kelana.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap; Penolong-penolong Pesuruhjaya Daerah; Pemimpin-pemimpin Pengakap; Penolong-penolong Pemimpin Pengakap dan Ahli-ahli Pengakap.






جائين قراتللق ايكوتومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN PERANCANGAN DAN HALAL PENGUSAHA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli



Alai Jual
note sel:
Preorder
30% deposit
ETA: Early March
3 box 25pcs, 960 only
See more

Best Price
Pay by 28 Feb to get the BEST PRICE!

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Pemiagaan-ke-Pengguna.

LINDUSTRI KOTEJ



Seni decoupage jadi pilihan Suzana Sakinah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Suzana Sakinah
Haji Sharbini

DECOUPAGE atau *découpage* adalah seni menghias objek dengan menampalkan potongan-potongan kertas berwarna, kertas majalah, kertas surat khabar ke atasnya dengan kombinasi kesan cat khas, daun emas dan elemen pelbagai hiasan yang lain. Lazimnya, benda atau objek yang digunakan adalah seperti barang perhiasan, kotak, mug, bag, barang perabot atau dari barang terpakai atau terbuang yang ditutup dengan potongan daripada kertas berwarna yang dibuat khas.

Industri Kotej kali ini memperkenalkan seorang pengusaha tempatan yang mempunyai minat dalam menghasilkan pelbagai jenis produk yang laris dijual, hasil dari kreativiti seni *decoupage*. Dayang Suzana Sakinah binti Haji Sharbini, 46 tahun, dari Kampung Rimba, Gadong, mula mengusahakan produk-produk hasil dari seni *decoupage* sejak November 2021.

Mengimbas kembali bagaimana tercetusnya minat dalam seni *decoupage*, yang berasal dari China dan berkembang di negara Eropah, terutama di Perancis, yang mana masyarakat Perancis menyebutnya

decoupage itu, Suzana menjelaskan, "Saya adalah pengusaha sepenuh masa dan saya mempunyai Pusat Penjagaan Kanak-kanak (Day Care), akan tetapi pusat tersebut ditutup semasa COVID-19. Dan itu memberikan saya kelapangan masa yang banyak dan saya menggunakan masa tersebut dengan menghias Ringkat Tiffin dari seni kreativiti *decoupage*."

"Mula berminat menghasilkan produk dari *decoupage*. Pada ketika itu, saya hanya membeli beberapa jenis Ringkat Tiffin dalam talian yang bukan dari *decoupage*. Saya menempah ringkat pelbagai jenis, akan tetapi yang hanya tinggal *vinyl sticker* sahaja. Penghantaran barang yang ditempah pula agak lambat hingga kadang-kadang mencapai dua bulan. Jadi pada suatu hari saya *search* di YouTube dan belajar dari sana bagaimana membuat Ringkat Tiffin dari *decoupage*," jelasnya.

Keazaman yang kuat untuk belajar dan menimba ilmu untuk menghias Ringkat Tiffin dari seni kreativiti *decoupage* itu mendorong dirinya untuk mencari bahan-bahan yang diperlukan. Beliau cuba mencari di laman sosial Instagram, jika terdapat peniaga tempatan yang menjual bahan-bahan keperluan, seperti gam, ringkat dan sebagainya untuk kegunaan menghias ringkat dari *decoupage* di dalam

talian tempatan. Alhamdulillah, beliau berjaya menemui salah seorang peniaga dalam talian tempatan yang membekalkan bahan-bahan berkenaan.

Menurut Suzana lagi, beliau juga mengambil kelas untuk belajar menghias dari seni *decoupage* daripada salah seorang pengusaha tempatan yang bergiat aktif dalam seni *decoupage*, di Daerah Tutong. Walaupun ketika itu beliau sudah banyak menghasilkan beberapa jenis Ringkat Tiffin *decoupage*, tetapi beliau masih gigih untuk menimba ilmu. Di samping itu, sebagai tambahan, bagi menghalusi lagi seni hiasan *decoupage* beliau juga mengambil kelas di JoArts Kiulap dan belajar *painting on the tiffins*.

Beliau menjual Ringkat Tiffin *decoupage* dari rumah dan memasarkan dengan menggunakan laman Instagram, di *thetiffinmood.bn*, yang pada sekarang hampir mencapai empat ribu pengikut.

Menyentuh mengenai produk-produk *decoupage* yang dihasilkan beliau adalah Ringkat Tiffin, yang beraneka saiz, beg anyaman, *flask* dan *mug*. Namun Ringkat Tiffin adalah antara produk yang menerima sambutan yang menggalakkan daripada para pelanggan.

"Alhamdulillah saya bersyukur, sambutan yang diterima daripada para pelanggan adalah sangat menggalakkan sehingga

saya 'tidak cukup tangan', terutama sekali di musim perayaan, seperti Hari Raya, Sambutan Tahun Baharu Cina dan Hari Natal. Kebanyakan pelanggan terpaksa menunggu giliran untuk menempah. Kesemua produk saya memang saya membuat sendiri dan cuma kadang-kadang sahaja anak-anak saya akan membantu saya," ujarnya.

Bagi menghasilkan Ringkat Tiffin ini, katanya, memakan masa satu hingga dua hari kerana proses membuat Ringkat Tiffin mempunyai banyak peringkat. Setiap proses memerlukan masa mengeringkan sebelum menyambung lagi ke peringkat seterusnya. Alhamdulillah, setakat ini, beliau hanya bergelut untuk mengejar tarikh akhir bagi menyiapkan tempahan pelanggan. Walaupun waktu rehatnya adalah terhad, namun beliau berasa seronok membuat dan menyelesaikannya.

Sebelum mengakhiri perbualan, Suzana memberikan saranan kepada mereka yang ingin menjadi usahawan agar tidak perlu takut untuk mencuba dan mencari sesuatu yang baharu. Rezeki, katanya, datang dari pelbagai sudut dan yang penting adalah rajin berusaha. Selain itu, jangan takut jika mengalami kegagalan kerana dari kegagalan itu akan memberi kita ruang untuk belajar dan memperbaikinya.



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-18 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, bertitah, "Sedikit mengenai isu Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP), Alhamdulillah, beta mengambil maklum bahawa kajian telah pun selesai dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama TAP dan insyaaAllah pelaksanaan penuh akan bermula pada tahun 2023. Dalam pada itu, beta sukacita menekankan bahawa segala persiapan sebelum pelaksanaannya hendaklah dilaksanakan dengan teratur, antaranya pindaan kepada Akta, perubahan kepada sistem teknologi maklumat dan termasuk pembarigaan. Apa yang penting bagi mereka yang terlibat dalam skim itu ialah untuk memahami berkenaan dengan skim persaraan baharu yang dimaksudkan".

Pengenalan

Pihak kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama TAP telah selesai membuat kajian rapi dan terperinci mengenai keberkesanan Skim-skim TAP dan SCP agar ia dapat memberikan pendapatan persaraan yang lebih baik dan mencukupi bagi ahli-ahlinya.

Objektif SPK

Objektif penubuhan skim baharu yang dikenali dengan Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) ini adalah untuk mengukuhkan lagi kesejahteraan sosial para Ahli TAP semasa persaraan mereka nanti dengan mengambil kira pelbagai faktor serta cabaran-cabaran yang sedang dihadapi :

- **Pertama**, mengenai kecukupan pendapatan persaraan. Kaedah kadar penggantian pendapatan (Income Replacement Rate - IRR) digunakan untuk memberikan pendapatan persaraan yang lebih baik kepada setiap golongan, terutama sekali yang berpendapatan rendah.
- **Kedua**, mengenai peningkatan jangka hayat. Pembayaran Anuiti dipanjangkan sehingga sepanjang hayat bagi menangani kadar umur yang kian meningkat.
- **Ketiga**, berkaitan keperluan pengeluaran. Pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta TAP, mengambil maklum akan isu-isu yang berkaitan dengan keperluan pengeluaran ahli, dalam hal ini, jenis pengeluaran bagi skim ini adalah lebih fleksibel dan membolehkan pengeluaran bagi kegunaan ahli sebelum bersara.
- **Keempat**, terhadap Kebajikan Tanggungan. Perlindungan bagi tanggungan diperluaskan, bukan sahaja sebelum bersara tetapi juga sehingga selepas bersara.

• **Kelima**, Inklusiviti. Skim yang lebih inklusif, di mana ia bukan sahaja terhad kepada pekerja-pekerja di sektor formal, malah dibukakan juga kepada ahli-ahli yang bekerja di sektor tidak formal.

Fungsi skim

SPK ini adalah merupakan skim yang menggantikan Skim-skim TAP dan SCP. Melalui SPK ini, caruman akan dibahagikan kepada caruman ahli dan caruman daripada majikan. Caruman daripada gaji ahli akan disimpan ke dalam 'Akaun Ahli', di mana ahli boleh membuat pengeluaran dari akaun tersebut bagi keperluan sebelum bersara. Manakala caruman daripada kesemua majikan ini akan dikumpulkan dan disimpan ke dalam 'Akaun Persaraan'. 'Akaun Persaraan' ini akan digunakan untuk pembayaran anuiti kepada setiap ahli yang mencapai umur 60 tahun selama sepanjang hayat bagi yang memenuhi syarat. Ini berbeza dengan Skim SCP yang ada pada masa ini, di mana ia hanya memberikan anuiti bulanan mengikut jumlah simpanan SCP dan dibahagikan selama sehingga 20 tahun sahaja. Manakala skim baharu SPK boleh memberikan selama sepanjang hayat bagi yang memenuhi syarat.

Jenis pengeluaran, perbezaan dengan pengeluaran sekarang

Ahli dibolehkan membuat pengeluaran dari Akaun Ahli bagi keperluan sebelum bersara.

Jenis-jenis pengeluaran adalah :

- Pengeluaran 30 peratus dari Akaun Ahli semasa umur 45, 50 dan 55 tahun tanpa sebarang persyaratan tambahan. Ahli boleh membuat pengeluaran pertama pada umur 45 tahun, seterusnya pengeluaran ketiga pada umur 55 tahun. Sebanyak 30 peratus bagi setiap kali pengeluaran dan selebihnya pada umur 60 tahun sebanyak 100 peratus pengeluaran.
- Manakala semasa ahli berumur 40 tahun ke atas, pengeluaran 50 peratus dari Akaun Ahli untuk membeli, membina, memperbaiki dan mengubah suai rumah.
- Seterusnya pengeluaran 100 peratus, selain daripada setelah bersara pada umur 60 tahun juga dibolehkan bagi tujuan pengeluaran hak waris bagi ahli yang telah meninggal dunia, mengalami penyakit terminal, hilang keupayaan untuk bekerja, serta melucutkan kerakyatan.

Manfaat ahli perolehi dari Akaun Persaraan

Selain daripada pengeluaran 45, 50, 55, 60 daripada akaun ahli, dalam masa yang sama, dari Akaun Persaraan, ahli juga akan mula menerima pembayaran anuiti (bulanan) dan juga manfaat turunan bagi tanggungan ahli, jika ahli meninggal dunia sebelum dan selepas 60 tahun. Jika dibandingkan dengan perlindungan Skim Survivorship SCP pada masa ini, ia hanya melindungi hingga umur 60 tahun sahaja, manakala perlindungan manfaat turunan bagi Skim SPK akan dilanjutkan perlindungan dari awal ahli

bekerja hingga ahli masuk alam persaraan hingga umur 75 tahun.

Dalam masa yang sama, skop perlindungan diperluaskan bukan saja bagi isteri dan anak-anak, malah juga kaum suami serta ibu bapa bagi ahli yang tidak berkahwin. Perlu juga diambil maklum tiada sebarang potongan yang akan dikenakan dari caruman sepertimana yang ada pada masa ini.

Jumlah anuiti dan kelamaan pembayaran akan mengambil kira beberapa faktor, seperti Anggaran Perbelanjaan Keluarga Minima (Household Expenditure), Kadar Penggantian Pendapatan (IRR), purata gaji ahli, kadar inflasi dan produktiviti kerja. Misalannya ahli mempunyai purata gaji sebanyak BND500 dan berkhidmat selama 25 tahun, anggaran jumlah yang akan diterima mengikut Skim SCP adalah BND52 atau BND302 sebulan (jika dicampur dengan Pencen Umur Tua), manakala bagi Skim Persaraan Kebangsaan, ahli boleh menerima jumlah anuiti sebanyak BND250 atau BND500 sebulan (dicampur dengan Pencen Umur Tua).

Misalan kedua, ahli mempunyai purata gaji sebanyak BND1000 dan berkhidmat selama 25 tahun, anggaran jumlah yang akan diterima mengikut Skim SCP adalah BND105 atau BND355 sebulan (jika dicampur dengan Pencen Umur Tua), manakala bagi SPK, ahli boleh menerima jumlah anuiti sebanyak BND485 atau BND735 sebulan (jika dicampur dengan Pencen Umur Tua).

Kadar caruman

Kadar caruman daripada gaji ahli adalah masih dikekalkan pada kadar 8.5 peratus. Manakala kadar caruman bagi majikan untuk SPK adalah dikemaskinikan untuk kesemua pekerja yang bergaji BND2,800 ke bawah mengikut kategori, iaitu :

- Bagi gaji BND500 dan ke bawah, kadar caruman pihak majikan ditetapkan sebanyak BND57.50.
- Bagi gaji BND500.01 hingga BND1,500, kadar caruman pihak majikan ditetapkan pada kadar 10.5 peratus, berbanding dengan 8.5 peratus sekarang.
- Bagi gaji BND1,500.01 hingga BND2,800, kadar caruman pihak majikan ditetapkan pada kadar 9.5 peratus, berbanding dengan 8.5 peratus sekarang.
- Bagi gaji BND2,800.01 ke atas, kadar caruman pihak majikan adalah dikekalkan pada 8.5 peratus.

Dalam hal yang sama, had mandatori, iaitu BND98 bagi ahli dan majikan adalah diadakan.

Pelaksanaan SPK

SPK ini akan dilaksanakan dalam tahun 2023 yang mana tarikh pelancaran akan diumumkan kemudian. Pelaksanaan adalah tertakluk pada kategori mengikut umur ahli, iaitu :

- Bagi kategori ahli yang berumur di bawah 50 tahun. Simpanan Skim-skim TAP dan SCP ahli akan diserapkan secara automatik ke dalam Skim SPK berkenaan.
- Bagi kategori ahli yang berumur di antara umur 50 hingga 60 tahun. Ahli akan diberikan pilihan, sama ada untuk menyertai Skim SPK

atau kekal di dalam Skim TAP dan Skim SCP. Ahli perlu membuat keputusan pilihan di dalam tempoh yang akan ditetapkan setelah menerima notis pemakluman daripada pihak TAP. Sekiranya ahli tidak memberikan jawapan, ahli akan dikekalkan di dalam Skim TAP dan Skim SCP sedia ada.

• Bagi kategori ahli yang berumur 60 tahun ke atas. Mereka akan bertahan dan kekal di dalam Skim SCP yang sedia ada.

Bagi ahli yang memilih untuk kekal di dalam Skim TAP dan Skim SCP akan terus menerima manfaat Skim TAP dan Skim SCP sedia ada dengan perubahan, iaitu :

- Jumlah ambang BND12,000 bagi skim pengeluaran penuh SCP diadakan.
- Bagi pembayaran anuiti yang kurang daripada BND150, pembayaran anuiti Skim SCP akan dikenakan kepada BND150 sebulan dan dibayar selama tempoh Simpanan SCP ahli habis dibayar.
- Sementara kadar caruman akan diselaraskan dengan kadar caruman SPK.

Penyertaan SPK bagi individu yang bekerja

Ahli-ahli yang bekerja sendiri juga boleh turut serta dalam SPK. Ahli-ahli ini akan menerima manfaat pembayaran anuiti persaraan dan manfaat turunan yang sama dengan pekerja-pekerja di dalam sektor formal sekiranya memenuhi persyaratan yang ditetapkan dalam SPK, iaitu memberikan maklumat mengenai dengan kesahihan aktiviti bekerja sendiri dan ahli diperlukan untuk mencarum di antara BND17.50 hingga BND40 bagi melayakkan untuk menerima caruman tambahan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebanyak BND17.50 sebulan. Perbezaan nilai caruman akan menentukan tempoh pembayaran anuiti.

Pembarigaan SPK

Pelan pembarigaan skim ini akan diadakan dan dijadualkan di sepanjang tahun ini. Skim ini akan dikongsikan dengan ahli-ahli dan majikan secara berperingkat melalui pelbagai cara, seperti perkongsian menerusi sesi taklimat dan pembarigaan, penyiaran maklumat melalui saluran rasmi TAP, iaitu laman sesawang TAP, akaun Facebook, akaun Instagram dan saluran rasmi agensi yang lain. Bagi menjayakan SPK semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk mengubah minda masyarakat pada sikap suka berdikari, rajin berusaha dan produktif yang dapat menyumbang pada sosioekonomi negara.

Usaha sama bersepadu, sokongan berterusan dan penglibatan semua pihak amat diperlukan bagi mencapai matlamat persaraan yang dihasratkan ini.

Maklumat akan dikongsikan dan orang ramai bolehlah melayari laman sesawang TAP, di www.tap.com.bn atau melalui e-mel TAP ke ask@tap.com.bn atau menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2382929 semasa waktu bekerja.

Skim ini diharap akan dapat mencapai matlamat persaraan yang dihasratkan untuk setiap warga kerja, di Negara Brunei Darussalam.

KENALI 'SCAMMERS', ELAK JADI MANGSA PENIPUAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Penipuan dalam talian (*online scams*) merupakan ancaman tersembunyi yang berlaku di mana-mana seperti melalui pancingan data, media sosial, SMS, panggilan telefon, *scareware* dan laman sesawang yang mencurigakan.

Taktik penipu (*scammers*) semakin berkembang dan menjadi lebih canggih, di mana ramai dalam masyarakat kita menjadi mangsa perangkap ini.

Oleh itu, pengguna adalah diingatkan untuk mengenal pasti tanda-tanda (*red flags*) apabila awda menghadapinya.

Pada Webinar Awam bertajuk 'Mengenal Penipuan Dalam Talian (Recognizing Online Scams)', Penganalisa Keselamatan Siber, Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT), Dayang Siti Khadijah binti Haji Ismail, mengongsikan beberapa jenis penipuan dalam talian yang dikenal pasti.

Antaranya ialah penipuan pelaburan dalam talian, peluang pekerjaan (*job opportunity*), memenangi sesebuah pertandingan (*winning contest*), percintaan dalam talian (*romance scam*), ancaman dan peras ugut (*threats and extortion*) dan penipuan jualan dalam talian (*online seller fraud*).

Jelasnya, *scammers* akan menggunakan teknik pendekatan sosial untuk mendapatkan maklumat dan data peribadi seseorang, yang kemudiannya akan diguna pakai untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dan kebanyakannya adalah bagi mendapatkan wang secara haram.

Beliau berkata, antara penipuan pelaburan dalam talian ialah seperti Skim Cepat Kaya, di mana antara tanda yang perlu dikenal pasti ialah ia menjanjikan keuntungan yang besar, mendakwa ia tiada mempunyai risiko, mengelak daripada menjawab soalan-soalan, pelaburan tidak perlu didaftarkan dan melaksanakan perniagaan yang tidak profesional.

Justeru, adalah mustahak bagi orang ramai untuk tidak membuat pelaburan dengan individu atau syarikat yang tidak dibenarkan, di bawah undang-undang yang berkaitan, jangan sekali-kali mempercayai mana-mana iklan yang mempromosikan Skim Cepat Kaya, penjenayah boleh menggunakan nama atau gambar individu atau jenama terkenal untuk menjadikan penipuan itu kelihatan sah dan sentiasa berhati-hati dengan laman sesawang yang mencurigakan.

Begitu juga dengan penipuan yang menawarkan peluang pekerjaan, di mana *scammers* akan meminta awda untuk memberikan data peribadi seperti akaun bank, nombor kad kredit dan sebagainya.

Dalam hal ini tambahnya, kita perlu sentiasa bersikap was-was, selidiki terlebih dahulu tawaran pekerjaan oleh sesebuah syarikat tersebut, memastikan ia adalah syarikat yang benar-benar berdaftar, elakkan daripada menekan iklan-iklan dalam talian.

"Jangan sesekali mengongsikan maklumat peribadi, terutamanya maklumat perbankan kepada individu yang tidak dikenali. Pastikan awda tahu dengan siapa yang awda membuat urusan,"

tambahnya.

Sementara itu, ujar beliau, *romance scam* merupakan antara kes penipuan dalam talian yang banyak dilaporkan di negara ini, yang melibatkan penggunaan profil palsu di laman-laman media sosial, di mana penipu menggunakan identiti palsu untuk mendapatkan kepercayaan awda kemudian menggunakan ilusi perhubungan romantis untuk memanipulasi atau mencuri daripada awda.

Oleh itu, jelasnya, pengguna media sosial perlu bijak menapis siapa pengikut awda, kerana kita tidak tahu apa jua gambar yang kita muat naik ke laman media sosial akan dicuri dan diguna oleh orang yang tidak bertanggungjawab, hindari daripada memberikan maklumat peribadi awda kepada individu yang baru dikenali.

Dayang Siti Khadijah juga mengingatkan orang ramai untuk berhati-hati apabila membuat pembelian dalam talian, selidiki *online seller* terlebih dahulu, dan jangan mudah terpedaya dengan iklan-iklan tawaran serta pastikan membaca *review* barangan dan membeli daripada penjual yang dipercayai.

Jika sekiranya awda menjadi mangsa kepada penipuan ini jelas beliau, awda perlu membuat tangkapan layar (*screenshot*) teks perbualan awda bersama penjual tersebut dan membuat laporan kepada pihak polis dengan segera.

Orang ramai yang berhadapan dengan insiden sekuriti siber, boleh terus melaporkan ke BruCERT melalui e-mel ke reporting@brucert.org.bn atau menghubungi menerusi talian +673 2458001 atau WhatsApp ke +673 7170766.



PENGANALISA Keselamatan Siber, Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT), Dayang Siti Khadijah binti Haji Ismail pada Webinar Awam bertajuk 'Mengenal Penipuan Dalam Talian (Recognizing Online Scams)'.

Seorang penumpang terkorban dalam kemalangan kereta

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BRUNEI MUARA, Ahad, 15 Mei. - Kemalangan dua buah kenderaan yang berlaku pada 14 Mei lalu, sekitar jam 2.00 petang meragut nyawa seorang penumpang.

Kejadian berlaku di kawasan lampu isyarat lalu lintas Telanai, Daerah Brunei dan Muara apabila kenderaan yang dipandu dalam perjalanan dari Jalan Katok menghala ke Jalan Telanai.

Kenderaan berkenaan dipercayai melanggar lampu isyarat lalu lintas yang sedang beryala merah (isyarat berhenti) sehingga mengakibatkan rempuhan ke atas kenderaan yang lain yang sedang menuju dari Jalan Beribi hala ke Jalan Jangsak.

Siasatan awal daripada keanggotaan Balai Polis Bandar Seri Begawan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mendapati pemandu dalam perjalanan ke Hospital RIPAS bagi membawa penumpang (mangsa) yang sedang dalam keadaan kecemasan, iaitu mengalami serangan asma dan sesak nafas yang teruk.

Siasatan juga mendapati mangsa yang merupakan seorang lelaki, warganegara tempatan, berumur 50 tahun dan sempat dikejarkan ke Hospital RIPAS setelah kemalangan berlaku serta diberikan bantuan pernafasan kecemasan (CPR) sebelum disahkan meninggal dunia oleh doktor petugas.

Walau bagaimanapun, punca kemalangan dan kematian masih dalam siasatan pihak polis.

PPDB ingin menegaskan kepada orang ramai untuk menanamkan sifat penyabar dan berhemah semasa memandu.

Selain itu, disarankan juga untuk tidak memandang ringan dan mengambil tindakan tergesa-gesa tanpa mepedulikan keselamatan orang lain demi kebaikan semua pengguna jalan raya.

Perkara yang paling utama adalah untuk sentiasa peka dengan perubahan aliran lampu isyarat lalu lintas dan patuhi peraturan di jalan raya.

Tanamkan rasa tanggungjawab untuk menjaga keselamatan pemandu dan penumpang. Ia bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan kerana kealpaan dan sedikit kecuaihan boleh sahaja membawa padah.



KEJADIAN berlaku di kawasan lampu isyarat lalu lintas Telanai, Daerah Brunei dan Muara apabila kenderaan yang dipandu dalam perjalanan dari Jalan Katok menghala ke Jalan Telanai.

Peluang sertai Pertandingan Brunei Content Festival 2022



Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Infografik : Ihsan Pihak Berkuasa Industri Teknologi
Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mei. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) kini sedang membukakan penyertaan untuk membuat kandungan tempatan yang berdaftar dan pencipta kandungan yang berminat, bagi menyertai Pertandingan Brunei Content Festival 2022 yang berakhir pada

20 Mei 2022 ini.

Sebanyak dua kategori dibukakan, iaitu Kategori Industri dan Kategori Terbuka, di mana kandungan yang pernah disiarkan dari 1 Januari 2019 hingga 31 Mac 2022 layak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Kategori Terbuka dibukakan untuk *freelancers*, orang persendirian dan penuntut institusi

pengajian tinggi, berumur di antara 18 hingga 25 tahun.

Pengisian yang dipertandingkan dalam kategori ini ialah Best Social Media Content; Best Short Film; Best Music Video; dan Best Short Film under Institute of Higher Learning.

Sementara itu, Kategori Industri dibukakan kepada semua perniagaan berdaftar, namun hanya dibenarkan untuk menghantar satu penyertaan sahaja. Penyertaan adalah untuk Kategori Best Drama; Best Comedy; Best Horror; dan Best Advertisement.

Pemenang-pemenang akan diumumkan dalam majlis Malam Anugerah Brunei Content Award, dijadualkan berlangsung pada 10 Jun 2022 nanti.

Selain daripada pemenang setiap kategori, penyertaan yang terpilih juga akan menerima Anugerah Juri Khas dalam Best Animation; Best Music; Best Sound; Best Cinematography; Best Editing dan Best Screenplay.

Borang pendaftaran yang dimuat turun dari laman sesawang www.bruneicontentfestival.com hendaklah dihantar ke e-mel content.festival@aiti.gov.bn sebelum 20 Mei 2022 ini.

Maklumat lanjut mengenainya boleh mengunjungi laman sesawang tersebut di atas dan Instagram, *AITI Brunei*.



PILIHAN RAYA UMUM LUBNAN BERMULA

BEIRUT, 15 Mei. - Pilihan raya umum di Lubnan bermula pada Ahad, menyaksikan

lebih 3.91 juta rakyat layak mengundi buat pertama kali sejak protes pada 2019.

Pusat pengundian di 15 kawasan di seluruh negara dibuka seawal 7 pagi waktu tempatan, lapor Agensi Anadolu.

Sebanyak 718 calon

bertanding merebut 128 kerusi parlimen, dan had umur dibenarkan mengundi bermula 21 tahun, menurut Kementerian Dalam Negeri.

Dalam satu kenyataan pada Sabtu, tentera Lubnan mengumumkan langkah

keselamatan yang ketat telah diambil di kebanyakan wilayah di negara itu, terutama di Beirut.

Kali terakhir pilihan raya diadakan ialah pada 6 Mei 2018, dengan peratusan keluar mengundi sebanyak 49

peratus.

Pilihan raya Lubnan berlangsung ketika negara itu bergelut dengan krisis ekonomi yang teruk sejak akhir 2019, termasuk nilai mata wang susut serta kekurangan bahan api dan perubahan. - ©BERNAMA

India henti eksport gandum berkuat kuasa serta merta

NEW DELHI, 14 Mei. - India menghentikan eksport gandum berkuat kuasa serta-merta dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan makanannya.

Ketua Pengarah Perdagangan Luar Negara di bawah Kementerian Perdagangan dalam satu pemberitahuan bertarikh 13 Mei memaklumkan ekoran harga global

yang tinggi "disebabkan pelbagai faktor," keselamatan makanan India berdepan risiko.

Eksport gandum ke negara lain hanya dibenarkan "atas kelulusan Kerajaan India dan berdasarkan permintaan kerajaan mereka."

Larangan eksport memandangkan konflik Rusia-Ukraine telah mengganggu bekalan gandum global

dan komoditi utama lain.

Keadaan itu bertentangan dengan hasrat India untuk meningkatkan eksport gandum tahun ini dengan memanfaatkan situasi bekalan dunia.

Pada Khamis, Kementerian Perdagangan India dalam satu kenyataan menyatakan kerajaan akan menghantar delegasi

perdagangan ke Maghribi, Tunisia, Indonesia, Filipina, Thailand, Vietnam, Turki, Algeria dan Lubnan untuk meneroka kemungkinan meningkatkan eksport gandum dari India.

India mengeksport tujuh juta tan metrik gandum bernilai kira-kira US\$2 bilion pada tahun kewangan 2021-22 dan separuh daripadanya

dibeli oleh Bangladesh.

Laporan media baru-baru ini menyatakan pengeluaran gandum India tahun ini terjejas akibat gelombang haba.

Negara itu juga berdepan peningkatan inflasi makanan berikutan harga komoditi global yang lebih tinggi. - ©BERNAMA

MOSTI pastikan wujud kolaborasi bagi pembangunan ekonomi digital, teknologi hijau

KOTA TINGGI, 15 Mei. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan memastikan wujud kolaborasi antara sektor kerajaan, swasta dan usahawan bagi pembangunan ekonomi digital serta teknologi hijau di negara ini.

Menterinya Datuk Seri Dr Adham Baba berkata MOSTI mengambil serius pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika lawatan kerja ke Amerika Syarikat (AS) berhubung pembangunan ekonomi digital dan teknologi hijau di Malaysia.

Justeru beliau berkata kolaborasi itu penting bagi memastikan kejayaan pelan strategik kementerian khususnya Pelan Hala Tuju Teknologi dan Produk Nano Negara 2021-2025 dalam menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi yang makmur.

"Langkah kita sekarang tentu sekali melihat bagaimana serius kita akan pacu kegiatan teknologi hijau ini termasuk dalam sektor pertanian dengan lebih banyak rumah hijau ditadbir menggunakan internet pelbagai benda (IoT) dan kecerdasan buatan (AI).

"Kita perlu ada bakat dan kolaborasi antara swasta, kerajaan serta usahawan, dan saya akan bertanggungjawab memastikan kolaborasi ini berlaku," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Karnival Sains MOSTI dan sambutan Hari Raya di sini, malam tadi.

Perdana Menteri dalam lawatan kerjanya itu mempelawa pelabur dan ahli perniagaan AS terutamanya syarikat Fortune 500 untuk melabur atau meningkatkan pelaburan mereka iaitu dalam sektor digital ekonomi, teknologi

hijau serta kereta elektrik.

Ismail Sabri turut mencadangkan supaya Tesla membuat pelaburan di Malaysia dalam menghasilkan kereta elektrik.

Sementara itu Dr Adham berkata Malaysia telah mula membangunkan teknologi berkaitan kenderaan elektrik (EV) dalam usaha meletakkan negara sebagai pengeluar teknologi berkenaan.

Menurutnya Program Inisiatif Teknologi Penyimpanan Tenaga NanoMalaysia (NESTI) juga telah diperkenalkan sebagai platform perintis peringkat kebangsaan, bagi membangun dan mengkomersialkan sistem penyimpanan tenaga untuk mobiliti elektrik, kegunaan di dalam sektor domestik dan industri, serta penyelesaian mudah alih. - ©BERNAMA

Pengimport minyak masak India jangka hadapi masalah bekalan jika Indonesia lanjut larangan

NEW DELHI, 14 Mei. - Pengimport minyak sayuran India menjangkakan masalah bekalan akan menjadi lebih "teruk" jika pengeluar utama Indonesia mengekalkan larangannya terhadap eksport minyak sawit bagi memenuhi permintaan dalam negara.

Masalah menjadi lebih serius bagi India, pengimport minyak masak terbesar dunia, akibat konflik Ukraine-Rusia yang mengganggu bekalan minyak bunga matahari.

Indonesia bulan lepas mengenakan larangan eksport minyak sawit untuk mengawal harga minyak masak tempatan, menjadikan India lebih bergantung kepada Malaysia, sebagai pengeluar kedua terbesar.

Antara November dan April, import minyak sawit India dari Malaysia ialah 1.78 juta tan metrik, diikuti 1.15 juta tan metrik dari Indonesia, menurut Persatuan Pengekstrak Pelarut India (SEA) yang berpangkalan di Mumbai.

Kumpulan perdagangan itu berkata larangan Indonesia mungkin ditarik balik sebelum akhir Mei tetapi akan menjadi lebih parah jika Indonesia terus menyekat eksport produk minyak sawit berikutan bekalan dari negara lain tidak mencukupi.

India telah berusaha mengatasinya dengan mencuba mendapatkan bekalan minyak masak lain namun permintaan minyak bunga matahari di negara itu merosot berikutan harga global yang tinggi dan bekalan berkurangan akibat konflik Rusia-Ukraine, menurut SEA.

Menurut kenyataan itu, tiada penghantaran dari Ukraine sejak 27 Mac.

Jumlah import minyak makan India turun 14.4 peratus kepada 900,085 tan metrik pada April berbanding Mac.

Import minyak sawit April ialah 572,508 tan metrik, membentuk 64 peratus daripada keseluruhan pembelian minyak masak sayuran.

Import minyak sawit India dari Malaysia bulan lepas berjumlah 313,859 tan metrik, merangkumi 277,024 tan metrik minyak sawit mentah (MSM), 28,835 tan metrik RBD palmolein dan 8,000 tan metrik minyak isirong sawit mentah (CPKO). - ©BERNAMA

Pemimpin seluruh Asia Barat berkabung atas pemergian Presiden UAE

KAHERAH, 14 Mei. - Pemimpin di seluruh Asia Barat pada Jumaat menzahirkan kesedihan atas pemergian Presiden Emiriah Arab Bersatu (UAE) Sheikh Khalifa bin Zayed Al Nahyan, yang meninggal dunia pada usia 73 tahun selepas bertahun-tahun menderita sakit, lapor Xinhua.

"Saya amat berdukacita atas kehilangan Presiden UAE Sheikh Khalifa bin Zayed Al Nahyan," kata Setiausaha Agung Liga Arab Ahmed Aboul-Gheit dalam satu kenyataan.

Sheikh Khalifa sering mengadakan kerjasama dengan negara-negara Arab dan mengutamakan hak serta kepentingan Arab dan akan senantiasa dikenang sebagai pemimpin yang mengutamakan perpaduan.

"Bagi pihak saya dan rakyat Mesir, saya mengucapkan takziah kepada kepimpinan serta rakyat UAE atas kehilangan besar itu,"

katanya.

Pengerusi pertubuhan pan-Arab itu mengisytiharkan perkabungan rasmi selama tiga hari dan bendera dikibarkan separuh tiang.

Emir Kuwait Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah turut mengucapkan takziah dan mengumumkan tempoh berkabung selama 40 hari, lapor Agensi Berita Kuwait (KUNA).

Negara-negara Arab dan Islam kehilangan seorang pemimpin hebat yang mendedikasikan hidupnya untuk berkhidmat kepada rakyatnya, katanya.

Kuwait akan mengibarkan bendera separuh tiang dan jabatan kerajaan cuti berkabung tiga hari mulai Jumaat.

Negara-negara Teluk yang berjiran, Bahrain dan Oman juga mengumumkan perkabungan rasmi tiga hari.

Presiden Lubnan Michel Aoun turut mengucapkan takziah dan

Lubnan akan berkabung di seluruh negara.

Aoun berkata negara-negara Arab akan merindui Sheikh Khalifa yang sentiasa menyokong perjuangan Lubnan dan rakyat negara itu akan merindui keikhlasannya.

Kementerian Hal Ehwal Presiden UAE mengumumkan kematian Presiden pada Jumaat da mengesahkan perkabungan rasmi selama 40 hari dengan bendera di seluruh UAE dikibar separuh tiang, dan semua kementerian persekutuan dan tempatan, serta sektor swasta cuti berkabung selama tiga hari.

Sheikh Khalifa mula mengambil alih kuasa perlembagaan persekutuan sebagai presiden kedua UAE dan menjadi pemerintah ke-16 Emirat Abu Dhabi pada 3 Nov 2004, menggantikan mendiang bapanya Sheikh Zayed bin Sultan Al Nahyan. - ©BERNAMA

NATO adakan latihan ketenteraan berskala besar di seluruh Eropah

ANKARA, 14 Mei. - Pakatan tentera NATO pada Jumaat mengadakan latihan besar-besaran di seluruh Eropah, lapor Agensi Anadolu.

Dua daripada latihan terbesar, Swift Response dan Defense Europe, membabitkan kira-kira 18,000 tentera dari 20 negara, sedang berlangsung di Poland dan lapan negara anggota lain, menurut kenyataan NATO.

Sementara itu, di Estonia, 15,000 tentera dari 14 negara terlibat dalam latihan di Hedgehog yang turut menyaksikan penglibatan kapal Tentera Laut Amerika Syarikat, Kearsarge.

Latihan Iron Wolf di Lithuania melibatkan 3,000 tentera bersekutu dan kira-kira 1,000 kenderaan, termasuk kereta kebal Leopard 2 Jerman.

Jurucakap NATO, Oana Lungescu berkata latihan itu dirancang sebelum operasi ketenteraan Rusia ke atas Ukraine pada 24 Feb.

"Latihan itu menunjukkan bahawa NATO berdiri teguh dan bersedia untuk melindungi serta mempertahankan negara daripada sebarang ancaman," katanya. - ©BERNAMA

TERUS BERJUANG BERSAING

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mei. - Walaupun jumlah kontinjen Negara Brunei Darussalam yang menyertai Kejohanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-31 di Hanoi, Viet Nam adalah kecil, akan tetapi impaknya begitu besar dalam dua perlawanan, iaitu sukan Pencak Silat dan Wushu, di mana kedua-duanya berjaya memperoleh pingat.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin ketika ditemu bual Pelita Brunei, di Dewan Perlepasan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), di sini.

Semasa acara mengucapkan selamat belayar kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang berlepas ke Hanoi, Viet Nam hari ini, Yang Berhormat berharap agar sukan e-Sports dan Karatedo juga akan berjaya, seterusnya

membawa balik pingat nanti.

Terdahulu itu, Yang Berhormat melahirkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kontinjen negara sehingga hari ini telah memperoleh satu pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa daripada dua jenis sukan, iaitu Wushu dan Silat.

Menurut Yang Berhormat lagi, pada hari ini juga, pasukan e-sports akan memulakan perjuangan mereka untuk bersaing dalam beberapa hari ini.

"Namun hasrat kita ialah 'we want to be very competitive'. Apa pun perlawanan ini, kita mampu bersaing dengan negara-negara lain. Jadi kita telah memilih dengan begitu teliti pada kali ini walaupun dengan cabaran-cabaran COVID-19 yang dihadapi," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut berbangga terhadap para atlet yang mempunyai sifat tidak pernah mengenal kalah, terus berjuang dan masa yang diberikan oleh para atlet adalah sepenuh masa serta inilah yang dimahukan

daripada atlet-atlet negara yang mampu untuk terus berjuang dan bersaing serta komited dalam perlawanan-perlawanan yang akan, telah dan sedang diperjuangkan.

"Kita amat bersyukur dan mendoakan mereka akan terus bersemangat, menaikkan nama negara dan bendera yang dipegang tidak akan jatuh kerana kita akan terus memperjuangkan, seperti mana jua hasrat negara, iaitu 'A proud sporting nation'.

"Mereka adalah kebanggaan negara dan kita mendoakan semoga lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam akan terus berkumandang di bumi Hanoi. Terus berjuang kepada para atlet dan kita amat yakin perjuangan mereka adalah satu perjuangan yang hebat dan mampu untuk bersaing untuk negara," ujar Yang Berhormat lagi.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang berlepas ke Hanoi, Viet Nam, hari ini, dianggotai seramai lapan orang, terdiri daripada urus setia dan tujuh orang, terdiri daripada jurulatih dan atlet sukan Karate bagi menyertai Kejohanan Sukan SEA Ke-31.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan kata-kata semangat kepada kontinjen negara sebelum berlepas ke Hanoi, Viet Nam bagi menyertai Kejohanan Sukan Asia Tenggara Ke-31 dan pada sesi bergambar ramai (atas dan bawah).

Berada di LTAB bagi mengucapkan selamat belayar, seterusnya memberikan kata-kata nasihat kepada kontinjen negara ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir sama, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; serta Pegawai-pegawai Kanan, Jabatan Belia dan Sukan, KKBS.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam menyertai sebanyak empat acara sukan, iaitu E-Sports, Karatedo, Pencak Silat dan Wushu.

Negara Brunei Darussalam mula mengikuti Sukan SEA pada tahun 1977 dan hingga ke hari ini negara memperoleh 14 pingat emas, 56 pingat perak dan 184 pingat gangsa secara keseluruhan, di mana pencapaian terbaik negara ialah semasa negara menjadi tuan rumah pada tahun 1999 dengan meraih empat pingat emas, 12 pingat perak dan 32 pingat gangsa.

Kali terakhir Negara Brunei Darussalam menyertai Sukan SEA ialah pada tahun 2019, di Republik Filipina, dengan memperoleh dua pingat emas, lima pingat perak, dan enam pingat gangsa.



Bandarku Ceria kembali

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



COMMUNITY InlineSkateBrunei tidak melepaskan peluang untuk beriadah dengan mengenakan pakaian Hari Raya sempena menyambut bulan Syawal.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mei. - Program Bandarku Ceria (BKC) diadakan semula hari ini setelah lebih sebulan ditandakan sepanjang bulan Ramadan.

Aktiviti-aktiviti yang dibolehkan adalah aktiviti berbentuk riadah dan aktiviti gerai-gerai jualan.

Justeru, Pelita Brunei membuat tinjauan ke BKC, yang diadakan di sekitar Bandar Seri Begawan, di sini.

Awang Sheril Shahizwan bin Tikom; Awang Wan Izz Zafir Alawi bin Mohd. Kasim; dan Awang Asmawi bin Imran menyeru orang ramai untuk sama-sama berkunjung ke BKC dengan

mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan; dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Menurut mereka, sebelumnya, setiap minggu mereka akan pergi ke BKC bagi tujuan untuk menjaga kesihatan sambil beriadah walaupun dalam keadaan norma baharu.

Dayang Nor Hasrinah binti Hassan semasa ditemu bual juga berharap orang ramai yang berkunjung ke BKC untuk sentiasa menjaga kebersihan dan mengamalkan langkah berjaga-jaga serta mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak

kerajaan.

"Alhamdulillah, saya mendoakan negara 'kitani' terhindar daripada segala wabak penyakit COVID-19 dan Negara Brunei Darussalam dalam suasana aman dan damai di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," ujar Awang Mohd. Rusydi bin Haji Mohd. Hamdan, yang ditemani isterinya dan anaknya, iaitu Awang Mohd. Nawfal Rizqi bin Mohd. Rusydi, dari Kampung Mengkubau.

Sementara itu, Community InlineSkateBrunei, yang diwakili Awang Haji Md. Ashadi bin Haji

Ajmain pula berpendapat BKC adalah satu program yang sangat bagus untuk diteruskan, dalam melakukan aktiviti riadah bersama ahli keluarga dan rakan-rakan.

Setiap hujung minggu sebelum ini, Inline Skate, jelasnya, juga sering berkunjung ke BKC bagi menjaga kesihatan sambil menghirup udara segar, di samping memeriahkan lagi suasana BKC dengan melakukan aktiviti skating.

"Pada hari ini, Inline Skate melakukan aktiviti dengan mengenakan pakaian Hari Raya sempena menyambut bulan Syawal yang mulia ini," tambahnya

lagi.

Oleh yang demikian, pengunjung dan penjaja semasa program BKC adalah dikehendaki untuk mematuhi garis panduan Fasa Awal Endemik, aktiviti bagi kecergasan dan rekreasi serta garis panduan perkumpulan ramai yang berkuat kuasa, pada ketika ini.

Dengan pembukaan semula program BKC ini, KHEDN menyarankan supaya para pengunjung dan penjaja untuk sentiasa memberikan kerjasama serta mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.



ePaper Pelita Brunei



Kepulangan kontinjen negara disambut meriah



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengalu-alukan kepulangan kontinjen Negara Brunei Darussalam yang bertanding dalam sukan Pencak Silat di Sukan Asia Tenggara Ke-31 di Hanoi, Viet Nam membawa hasil, sekali gus berjaya mengharumkan nama negara dengan membawa pulang dua pingat, iaitu satu pingat perak melalui acara Seni Regu Wanita dan satu pingat gangsa melalui acara Seni Tunggal Lelaki (atas), sementara gambar bawah kiri, atlet Beregu Wanita Pencak Silat negara, Dayang Anisah Najihah binti Abdullah ketika ditemu bual.



BERAKAS, Ahad, 15 Mei. - Kepulangan kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang bertanding dalam sukan Pencak Silat di Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-31 di Hanoi, Viet Nam membawa hasil, sekali gus berjaya mengharumkan nama negara dengan membawa pulang dua pingat, iaitu satu pingat perak melalui acara Seni Regu Wanita dan satu pingat gangsa melalui acara Seni Tunggal Lelaki.

Kepulangan kontinjen negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

dialu-alukan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Seramai lima orang terdiri daripada jurulatih dan empat atlet sukan Pencak Silat menyertai kontinjen negara.

Turut mengalu-alukan, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran

Haji Mahmud serta para pegawai kanan, Jabatan Belia dan Sukan, KKBS.

Sejurus tiba kontinjen negara, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memasangkan sesandang dan seterusnya memberikan ucapan tahniah kepada pasukan Pencak Silat.

Semasa temu bual bersama salah seorang atlet Beregu Wanita Pencak Silat negara, Dayang Anisah Najihah binti Abdullah berkata, kemenangan yang diperoleh dalam Beregu Wanita ini amat bermakna bagi mereka dan negara serta berasa bersyukur atas

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

kejayaan tersebut.

Menurutnya lagi, ia adalah hasil daripada latihan yang begitu padat dan juga ketulusan jurulatih yang begitu memberikan semangat dan latihan yang bagus.

"Pasukan Beregu Wanita ini telah membuat persiapan sejak tahun lepas dan menghadiri latihan di Perkampungan Sukan Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah dalam persiapan menjelang Sukan SEA," jelasnya.

HANOI, VIET NAM, Sabtu, 14 Mei. - Atlet Wushu Negara Brunei Darussalam, Mohd. Adi Salihin bin Roslan berjaya meraih pingat emas dalam acara Wushu Nanquan Lelaki, pada Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-31, hari ini.

Sementara itu, pingat perak diberikan kepada atlet Indonesia dan pingat gangsa dimiliki oleh atlet tuan rumah, Viet Nam.

Walaupun Mohd. Adi Salihin terlepas daripada mendapatkan pingat pada Sukan SEA Ke-31, dengan menduduki tempat keempat dalam acara Wushu Nandao Lelaki, kelmarin.

Pada acara Wushu Nandao Lelaki kelmarin, atlet Wushu negara itu mengumpul sebanyak 9.65 mata, tersasar sedikit daripada mendapatkan pingat gangsa yang dimenangi oleh Van Huu Nong dari Viet Nam dengan 9.67 mata.

Mohd. Adi Salihin juga merupakan pemenang pingat emas Nandao selepas kejayaannya pada edisi sebelumnya di Manila.

Walaupun bagaimanapun, beliau bangkit pada hari ini dan berjaya menewaskan Harris Horatius dari Indonesia dan Huu Nong Van dari Viet Nam dengan memperoleh 9.71 mata.

Bagi acara Wushu lain pula, kontinjen negara gagal untuk berada di podium kerana tersasar sedikit oleh kontinjen lawan walaupun sudah berusaha dengan gigih, tetapi nasib tidak menyebelahi.

Kontinjen negara, seterusnya akan beraksi di Sukan e-Sports, yang akan berlangsung pada 16 Mei dan Sukan Karate, pada 18 Mei ini.

SYABAS ADI SALIHIN!

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Jurulatih Pasukan Wushu Negara Brunei Darussalam**



ATLET Wushu Negara Brunei Darussalam, Mohd. Adi Salihin bin Roslan berjaya meraih pingat emas dalam acara Wushu Nanquan Lelaki, pada Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-31.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PEMAAF : ALLAH SUBHANHAU WATA'ALA AKAN MENAMBAHKAN KEMULIAAN KEPADANYA